

WARTA UNIVERSITI

BIL. 53

OKTOBER 2016

ISSN 0126-6292

ISTIADAT KONVOKESYEN

Sabtu, 15 Oktober 2016
hingga
Selasa, 18 Oktober 2016

Istiadat Konvokesyen kali ke-55 Universiti Malaya telah berlangsung selama empat hari iaitu pada hari Sabtu, 15 Oktober 2016 (Sidang 1) jam 9.00 pagi, Ahad, 16 Oktober 2016 (Sidang 2) jam 9.00 pagi dan (Sidang 3) jam 3.00 petang, Isnin, 17 Oktober 2016 (Sidang 4) dan (Sidang 5) jam 3.00 petang dan Selasa, 18 Oktober 2016 (Sidang 6) jam 9.00 pagi dan (Sidang 7) jam 3.00 petang. Kesemua bahagian ini telah diadakan di Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya.

Sidang pertama telah dipengerusikan oleh Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah. Sidang Kedua dan Ketiga dipengerusikan oleh Toh Puan Pro-Canselor, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong. Sidang Keempat dan Kelima pula dipengerusikan oleh Tan Sri Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. Sidang Keenam dan Ketujuh dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib.

Pada tahun ini, Universiti Malaya telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada tiga orang tokoh ternama, iaitu **Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan** kepada YBhg. **Datuk David Chua Kok Tee**, **Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam** kepada **Tuan Haji Abdullah bin Haji Salleh** dan **Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan** kepada YBhg. **Tan Sri Jeffrey Cheah Fook Ling**.

Universiti Malaya juga telah menganugerahkan **Gelaran Profesor Emeritus** kepada YBhg. **Dato' Dr. Yip Cheng Har**, YBhg. **Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali** dan **Dr. Wong Chiow San**.

Universiti Malaya juga telah menganugerahkan **Anugerah Pelajaran DiRaja** kepada dua orang pelajar cemerlang program Sarjana Muda iaitu **Tham Kuen Wei** dari **Fakulti Alam Bina** dan **Sofea binti A Ghani** dari **Fakulti Sains**.

Penganugerahan ijazah kepada graduan dibahagikan seperti berikut: **Sidang Pertama – 485** graduan Ijazah Doktor Falsafah, **15** graduan bagi Ijazah Doktor Kesihatan Awam dan **4** graduan bagi Ijazah Kesihatan Awam Pergigian; **Sidang Kedua – 819** graduan Ijazah Sarjana; **Sidang Ketiga – 728** graduan Ijazah Sarjana; **Sidang Keempat – 186** graduan Ijazah Sarjana dan **511** graduan Ijazah Sarjana Muda; **Sidang Kelima – 727** graduan Ijazah Sarjana Muda; **Sidang Keenam – 818** graduan Ijazah Sarjana Muda dan **Sidang Ketujuh – 780** graduan Ijazah Sarjana Muda. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah serami **5,073** graduan.

**TITAH TUANKU CANSELOR
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN
MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

Sabtu, 15 Oktober 2016 (Pagi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali kelima puluh lima, berlangsung, ketika Universiti Malaya mencapai usia 111 tahun penubuhannya, berasaskan tarikh penubuhan, the King Edward VII Medical College of Medicine, di Singapura, pada 28 September 1905. Raffles College pula, ditubuhkan pada tahun 1928. Dua kolej tersebut, dicantumkan pada 8 Oktober 1949, untuk menjadi sebuah universiti, dinamakan Universiti Malaya.

Suruhanjaya Carr-Saunders yang memperakukan penubuhan Universiti Malaya, dalam laporan yang dikemukakan pada tahun 1948, merumuskan;

“The University of Malaya would provide for the first time a common centre where varieties of race, religion and economic interest could mingle in joint endeavour....For a University of Malaya must inevitably realise that it is a university for Malaya”.

Universiti Malaya telah melalui fasa perkembangan yang pesat. Pada 15 Januari 1959, ditetapkan untuk di bina dua kampus berasingan yang

memiliki autonomi tersendiri, satu di Singapura dan satu di Kuala Lumpur. Pada tahun 1961, Parlimen Malaysia meluluskan Akta penubuhan Universiti Malaya, dan Universiti Malaya Kuala Lumpur ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 1962. Dalam tempoh 54 tahun usianya bertapak di Kuala Lumpur, Universiti Malaya berada di bawah naungan empat orang Canselor dan dipimpin oleh sebelas orang Naib Canselor. Beta menghargai, kesediaan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, membantu Beta dengan terus bersedia mengambil tanggungjawab sebagai Pro Canselor untuk penggal keempat.

Universiti Malaya telah berjaya memenuhi peranan penubuhannya untuk mengendalikan pendidikan peringkat tinggi kepada warga daripada pelbagai agama, kaum dan latar belakang. Sejak ditubuhkan, pelbagai kejayaan telah dicapai. Universiti Malaya berjaya melonjak kedudukan *ranking* dunia, daripada tangga 146 pada tahun 2015, ke tangga 133 dalam *QS World University Rankings* 2016. Sementara di peringkat Asia,

ranking meningkat, daripada tangga 29 pada tahun 2015, ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang turut diperolehi dalam bidang-bidang tertentu; berada pada tangga 30 terbaik dunia, bagi subjek Pengajian Pembangunan, serta pada tangga 37 terbaik dunia, dalam bidang Elektrikal dan Elektronik.

Laporan *ASEAN Research Landscape*, oleh Thompson Reuters, menunjukkan, peningkatan 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Laporan tersebut, menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN dalam bidang penyelidikan. Perangkaan menunjukkan, Universiti Malaya mendahului 20 universiti awam lain dengan menghasilkan 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan universiti awam di negara ini. Sementara itu, dalam tahun 2015, 132 paten telah didaftarkan, termasuk 4 di peringkat antarabangsa. Universiti Malaya terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi, dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan terunggul di Malaysia. Sehingga Jun 2016 sahaja, para penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan 1,592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) tertinggi, dalam kalangan universiti berstatus penyelidikan, semenjak tahun 2011.

Warga Universiti Malaya turut mencapai pelbagai kejayaan lain. Pandelega Rinong, pelajar Pusat Sukan, berjaya meraih pingat perak di Sukan Olimpik Rio de Janeiro. Saiful Anwar Abdul Rani, pelajar Akademi Pengajian Islam, mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review)* di *Kookmin University Korea*. Mohamad Azwan bin Kamarudin, pelajar Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dianugerahkan Pendebat Terbaik dalam kategori bukan penutur jati, Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia 2015, di Doha. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada Lembaga Pengarah, Naib Canselor dan seluruh warga Universiti atas komitmen, untuk mengharumkan nama Universiti. Semoga setiap kejayaan yang telah dicapai, dijadikan sumber inspirasi untuk warga Universiti mencipta kejayaan yang lebih gemilang.

Hubungan universiti dan masyarakat sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti, telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan kerajaan. Fakulti Kejuruteraan, telah memperkenalkan Projek Sistem Penapis Air Ultraturasan, berupaya menukar sumber air mentah, sama ada air banjir, air sungai, air telaga

atau air tasik kepada air bersih yang setanding dengan kualiti air paip. Hasil penyelidikan ini, telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi dijadikan aset penting ketika berlakunya banjir.

Kemajuan sesebuah negara, bergantung kepada tiga elemen penting; pertama: penemuan baru, kedua: sumber manusia terlatih dan ketiga: kepakaran pengetahuan.¹ Universiti berperanan sebagai sumber, membekalkan ketiga-tiga elemen tersebut. Universiti moden, pada era pasca industri, ialah institusi pusat dan instrumen utama menentukan tahap pencapaian kemajuan sesebuah masyarakat.²

Justeru itu, amatlah penting untuk universiti bersifat peka, turut mengamati serta memahami, dan selanjutnya melakukan sesuatu langkah untuk membetulkan sebarang kepincangan sosial yang sedang melanda masyarakat. Penyakit sosial dalam masyarakat perlu ditangani, melalui kebijaksanaan mengimbangi sifat individualisme dan sifat persaingan, dengan nilai-nilai yang mementingkan semangat kerjasama dan semangat tanggungjawab kemasyarakatan. Untuk menangani penyakit sosial, negara memerlukan warga yang memiliki nilai-nilai moral dan warga yang mengamalkan tanggungjawab sivik yang tinggi.

Ketika merangka dan melaksanakan program membangunkan sumber manusia, Universiti jangan sama sekali melupakan falsafah asas pendidikan yang kudus lagi suci. Konsep melahirkan insan berilmu, lebih luas dan lebih dalam, berbanding konsep membekalkan manusia dengan pengetahuan, yang terbatas kepada sasaran memperkayakan maklumat. Tamadun-tamadun agung terdahulu, baik di Yunani, di Parsi, di Lembah Indus, di China, begitu juga falsafah pendidikan Islam amat menekankan aspek pembangunan insan yang menyeluruh. Tamadun Yunani, memperkenalkan konsep *paidea*, menekankan pendidikan budaya untuk membangunkan insan secara menyeluruh, mencakupi intelek, moral dan agama. Konfusianisme, mengutamakan etika sosial dan etika politik, menegaskan moral individu dan moral kerajaan, hubungan sosial yang betul, keadilan, tradisi, kejujuran dan kemanusiaan. Status seseorang, ditentukan bukan daripada darah keturunan atau kekayaan, tetapi oleh

¹ Michael Beaty, "Paideia: Moral Education in the University?", *Baylor University*.

² *Ibid*

meritokrasi yang didukung oleh tahap pendidikan dan karakter peribadi insan. Falsafah Hindu menegaskan hubungan tertib guru dan murid, guru dikenali sebagai *ayoha*, menegaskan muridnya wajib menghormati setiap kehidupan dan mencari kebenaran.

Islam, menegaskan usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, mengasuh peribadi, dan membina kemahiran diri, bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah, bagi membentuk diri, sikap, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba ALLAH yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, membangun masyarakat, membangun alam sekitar dan membangun negara, ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Islam menegaskan aspek kebenaran, keikhlasan, ketelusan serta amanah, dan tidak sama sekali mengizinkan perlakuan pecah amanah, rasuah, penipuan dan ketidakadilan.

Nyatalah, bahawa seseorang insan itu hanya sempurna taraf keilmuannya, apabila diperlengkapkan dengan roh akhlak, berkait dengan tatacara hubungan antara manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan makhluk lain, merangkumi tumbuhan dan haiwan, dan hubungan manusia dengan Penciptanya. Akhlak berperanan sebagai pelengkap dan penyempurna, membimbing segala perbuatan dan perilaku manusia. Apabila komponen akhlak, tidak disemaikan dalam sanubari insan, lahirlah manusia yang tidak dapat membezakan antara nilai yang betul dengan nilai yang salah, menyebabkan ada di kalangan mereka tergelincir akidah, hingga terlupa, bahawa sumber sebenar kuasa dan rezeki, datangnya daripada Tuhan Yang Maha Pencipta.

Dunia semakin menyaksikan berlakunya ketempangan akhlak dan kelompangan spirituil, berlaku di kalangan mereka yang terpelajar dan mereka yang berpengetahuan, dilakukan oleh mereka yang memiliki ijazah tinggi dan menyandang jawatan penting. Rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa, pilih kasih, penipuan, dilaporkan semakin berlaku, disebabkan akhlak semakin berada pada tahap rendah

atau tidak dijiwai lagi. Perlumbaan keduniaan, telah mengalpakan manusia, hingga manusia menjadi terlalu materialistik. Fenomena ini amat membimbangkan. Tercatat pelbagai peristiwa dalam sejarah, fenomena kerendahan akhlak, menjadi punca keruntuhan sesuatu tamadun dan punca kemusnahan sesebuah negara bangsa.

Para graduan yang telah bertambah ilmu pengetahuan, wajib diperlengkapkan dengan akhlak mulia, supaya diri tidak akan dibenarkan menjadi hamba kepada kehendak nafsu, sehingga sedia menggadaikan maruah diri, dan akhirnya jatuh ke lembah kehinaan. Impian untuk mencapai kejayaan hidup, jangan sampai ke peringkat menghalalkan apa sahaja tindakan. Matlamat jangan sekali-kali diizinkan untuk menghalalkan cara. Berpegang teguhlah pada nilai agama yang suci dan nilai budaya bangsa yang murni. Hidup bersendikan adat, adat bersandarkan *Kitabullah*.

Kejayaan para graduan pada hari ini, bukanlah atas usaha persendirian semata-mata. Semangat mahu mencurahkan ilmu oleh warga akademik, telah membolehkan lahirnya lebih ramai insan yang kaya ilmu di taman pendidikan ini. Keluarga para graduan telah memberikan sebesar-besar dorongan dan pengorbanan untuk memastikan saudara-saudari mencapai kejayaan. Kegembiraan ibu bapa atas kejayaan anak-anak, mengatasi keriangian saudara-saudari sekalian. Hargailah jasa bakti para guru dan pengorbanan besar ibu bapa serta anggota keluarga. Tuhan telah memakbulkan doa mereka, dan ibu bapa hendaklah terus mendoakan agar anak-anak terus mendapat panduan, petunjuk dan perlindungan ILAHI.

Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada para graduan. Beta menzahirkan penghargaan kepada Pengerusi serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor serta seluruh tenaga akademik, begitu juga kepada staf pengurusan, staf sokongan dan setiap warga Universiti Malaya yang telah memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, terlaksana dengan sempurna.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**UCAPAN NAIB CANSOLOR
YANG BERBAHAGIA PROFESOR TAN SRI DATO' DR. MOHD AMIN JALALUDDIN**

Sabtu, 15 Oktober 2016 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Canselor Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Bagi pihak seluruh warga Universiti Malaya, para graduan dan ibu bapa, patik ingin melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat berangkat bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen yang gemilang ini. Patik dan sekalian warga Universiti Malaya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi **TAHNIAH** kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas pemilihan sebagai Timbalan Yang DiPertuan Agung oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Patik menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta mendoakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa berada dalam kesejahteraan, kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ampun Tuanku,

Patik memohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Dif-dif Kehormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Ibu bapa serta para graduan yang dikasihi sekalian.

Terlebih dahulu setinggi penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin terutama ibu bapa sekalian kerana dapat bersama untuk meraikan kejayaan para graduan pada hari ini, seterusnya memeriahkan lagi Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya buat kali yang ke-55. Universiti Malaya merasa amat bertuah dan mengalu-alukan kehadiran ibu bapa dan semua tetamu bagi

menyaksikan hasil pengorbanan kita semua demi membolehkan graduan menggenggam ijazah pada hari ini.

Kepada para graduan, **tahniah dan syabas** saya ucapkan di atas kejayaan anda menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan anda pada hari ini akan melakar lebih banyak kejayaan di masa akan datang tidak kira di mana pun anda semua memberi bakti.

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru semua graduan Universiti Malaya untuk terus mencari ilmu walaupun bukan secara formal, kerana bangsa yang perkasa adalah bangsa yang sentiasa cintakan ilmu. Bukan sekadar ilmu yang memberi manfaat kepada diri sendiri malahan memberi manfaat kepada orang lain serta kemuliaan kepada sejagat. Ilmu yang diburu tanpa henti pasti akan membezakan antara yang celik dan yang buta, antara yang mulia dan yang hina; dan antara yang kaya dan yang papa kedana. Kerana orang yang berilmu pasti akan tersingkap kemuliaannya di sisi masyarakat.

Saya juga ingin menyeru graduan Universiti ini untuk kembali ke kampus bukan sekadar mengembalikan nostalgia tetapi yang lebih bermakna memberi sumbangan demi memperkasa dan membawa Universiti ini ke mercu kegemilangan. Dalam konteks ini, rasa pemilikan atau *sense of belonging* yang tinggi oleh graduan terhadap Universiti Malaya sebagai *alma mater* amatlah penting. Kita perlu melihat bagaimana alumni di universiti tersohor dunia seperti Harvard, Yale dan Cambridge tidak terus meninggalkan *alma mater* mereka, sebaliknya kembali memberikan khidmat dan sumbangan melalui pelbagai cara. Saya percaya ini merupakan cara terbaik untuk kita sama-sama berganding bahu demi memastikan UM terus mencorak kegemilangan dan kekal di hati semua rakyat sebagai Universiti tersohor di Malaysia dan di mata dunia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan

setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, barisan pengurusan Universiti dan seluruh warga Universiti yang sentiasa bersama saya dalam menjayakan pelbagai agenda kecemerlangan. Sesungguhnya usaha memartabatkan Universiti Malaya di persada dunia memerlukan gandingan dan usaha keras berterusan semua pihak. Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah berusaha keras dalam merencana dan merealisasikan istiadat Konvokesyen pada kali ini yang akan terpahat sebagai detik bersejarah Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaya sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi kasih di

atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Istiadat Konvokesyen pada pagi ini. Galakan dan sokongan padu Tuanku terhadap usaha untuk meningkatkan Universiti Malaya sebagai universiti ternama dunia amat besar sekali nilainya dan patik berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas segala budi baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu dengan sebaik-baik pembalasan. Dengan sepenuh hormat takzim dan tawadhu juga, patik memohon limpah ampun Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas sebarang kekurangan pada majlis ini.

Menjunjung Kasih Tuanku.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah,*
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**PIDATO PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR PENGAJIAN ISLAM
untuk
HAJI ABDULLAH HAJI SALLEH
Diucapkan oleh Pemidato Umum
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATO' DR. MOHD YAKUB @
ZULKIFLI MOHD YUSOFF
PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**

Sabtu, 15 Oktober 2016 (Pagi)

HAJI ABDULLAH HAJI SALLEH.

Niat berehlah ke Nilam Puri, Nawaitu tersekat air bah naik, Abdullah al-Qari nama diberi, Lahir dari zuriat yang baik.

Pagi Ahad, 26 Disember 1937 di Kampung Kenali, Kota Bharu, Kelantan, terpahat sejarah kelahiran seorang insan yang bakal berjasa pada agama, bangsa dan negara. Diberi gelaran "Al-Qari", sesuai dengan nawaitu yang dikehendaki oleh kedua orang tuanya iaitu "Pembaca dan Pengkaji al-Quran". Sejak kecil beliau diasuh oleh ibubapanya mengenal ilmu dan hukum hakam agama dan dididik dengan pengajian Al-Qur'an. Daripada ibundanya, Hajah Khadijah, beliau mempelajari kitab suci al-Quran sebagaimana bertalaqqi qiraat Imam Qalun dan Warsy di tangan ayahandanya Haji Salleh. Mereka sentiasa mendisiplinkan diri dengan solat secara berjemaah, suatu amalan yang tidak pernah ditinggalkan dalam keluarganya sebagai asas untuk menerapkan akhlak yang mulia terhadap anak-anak dalam menjalin hubungan mesra keibubapaan. Persekitaran yang dilingkari dengan suasana ilmu di Pondok Kenali, ditambah pula dengan keperihatinan ibubapa terhadap ilmu, menjadikan Abdullah gemar menelaah buku-buku berunsur keagamaan dan cintakan ilmu. Dalam usia 10 tahun beliau diajar bahasa Arab, ilmu Hadith dan Tajwid al-Quran. Dalam usia 15 tahun beliau mula menjadi Guru Pelatih.

Berkat kegigihan dan jati diri, Umur 10 tahun menjadi bukti, Bacaan kitab suci berjaya ditalaqqi, Di bawah bimbingan bapa sendiri, Menghiasi akhlak dan akal budi, Membentuk insan berwawasan tinggi, Memahat al-Quran kitab Illahi, Terus bertebar di muka bumi, Dalam karya ia ditulis, Pada akhlak ia dihayati.

Setelah menamatkan pengajian di peringkat rendah pada tahun 1952, beliau mempelajari Tafsir

al-Quran dan al-Hadith di Pondok Al-Ahmadiyyah, Bunut Payung, Kelantan. Dalam usia sekitar 16 tahun ini beliau telah menghasilkan satu penulisan Tafsir Surah al-Ikhlas. Beliau kemudiannya, menyambung pelajarannya di beberapa buah sekolah menengah di Kota Bharu. Alang-alang mandi biarlah basah! Beliau terus berusaha sehingga diterima masuk Permukiman Ilmu Universiti Malaya bagi mengorak langkah mengejar cita-cita membongkar erti iqra', dan pada tahun 1977 lulus dengan kepujian dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pengajian Islam. Sebaik tamat pengajian, beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru di beberapa buah sekolah di Kelantan dan bersara pada 26 Disember 1992.

'Di belakang setiap lelaki yang hebat berdirinya seorang wanita'. Demikian, disebalik ketokohan Haji Abdullah, terdapat Hajah Siti Aishah seorang suri rumah yang cukup memahami dan banyak membantu kejayaan suami dalam kerjaya dan karya. Beliau pernah dianugerahkan pada tahun 2005 sebagai Tokoh Ibu Solehah Serambi Mekah Kelantan. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan 8 orang cahaya mata yang kesemuanya berjaya masuk universiti. Sabda Rasulullah (saw) bermaksud: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling banyak memberikan manfaat kepada orang lain."

Abdullah Al-Qari bukan hanya seorang guru di sekolah tetapi juga pendakwah dalam masyarakat. Di teratak beliau, penuh berpusu anak-anak sekampung yang datang belajar Al-Qur'an. Disamping itu, selama 17 tahun beliau bertugas sebagai khatib sambilan di Masjid Solehin. Meskipun sibuk dengan tanggungjawab sebagai pendidik, namun beliau amat perihatin masa dan kebanyakan masanya dimanfaatkan dengan membaca dan menelaah buku, menulis dan mengarang, di samping berzikir dan membaca Al-Qur'an.

Beliau kini hampir mencecah usia 80 tahun, namun masih aktif mencurahkan idea dan menghasilkan karya. Sebagai menyebarkan ilmu agama beliau menubuhkan sebuah syarikat penerbitan beliau sendiri. Disamping mendirikan Masjid As-Sunnah dan membangunkan Sekolah Rendah Islam Al-Qari, beliau juga telah menubuhkan 'Pusat Kajian dan Sebaran Al-Qur'an dan Al-Sunnah Nusantara'. Beliau telah terpilih menerima sebanyak 13 anugerah tokoh. Demikianlah benih yang baik itu, dicampak ke laut menjadi pulau, dicampak ke darat menjadi gunung. Beliau ibarat cahaya putih yang indah bersinar, sinarnya bukan sahaja melambangkan ketulusan dan kemuliaan puncanya, tetapi dapat pula menyuluh ruang

dan dimensi sekelilingnya untuk terus bercahaya dengan sinaran ilmu dan makrifat. Selama 63 tahun pembabitan dalam bidang penulisan, beliau telah menghasilkan karya bercetak sebanyak 350 buah yang menyentuh berbagai bidang seperti Usuluddin, Syariah, Tasawuf, Tarbiyah dan lain-lain. Buku beliau bertajuk 'Kursus Qari dan Qariah' telah diulang cetak sebanyak 40 kali. Pada masa yang sama masih terdapat karya beliau yang belum dicetak berjumlah 153 buah. Haji Abdullah al-Qari, 'Bagai sirih pulang ke gagang'!

Mohon izin Tuanku Canselor mengurniakan kepada Haji Abdullah Haji Salleh Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam.

PIDATO PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS
untuk
YANG BERBAHAGIA DATUK DR. YIP CHENG HAR
Diucapkan oleh Pemandato Umum
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATO' DR. ADEEBA KAMARULZAMAN, DEKAN
FAKULTI PERUBATAN

Sabtu, 15 Oktober 2016 (Pagi)

YIP CHENG HAR.

Dato' Dr Yip Cheng Har dilahirkan pada 11 September 1956 di Kampar, Perak. Beliau merupakan anak kedua kepada pasangan suami isteri Encik Yip Yat Sun yang merupakan seorang guru & Puan Kong Poh Kuan.

Tahun 1981 merupakan langkah pertama Dr. Yip memulakan karier sebagai doktor perubatan di mana beliau dianugerahkan Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) daripada Universiti Malaya. Beliau seterusnya menyambung pengajiannya ke peringkat profesional dan berjaya memperolehi Fellowship of Royal College of Surgeons, FRCS (Glasgow) pada tahun 1985. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah Universiti Malaya pada tahun 1988, dan dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor pada tahun 2000 sebelum bersara pada September 2012 selepas berkhidmat di Universiti Malaya selama 26 tahun.

Sub kepakaran di dalam bidang pembedahan payudara telah menjadi pilihan Dr. Yip. Beliau merupakan satu-satunya pakar bedah wanita di Pusat Perubatan Universiti Malaya dan antara pakar bedah di dalam bidang ini yang terulung di Malaysia. Setelah menjalani latihan di dalam pembedahan payudara di United Kingdom pada tahun 1989 beliau membuka klinik payudara pertama di Malaysia pada tahun 1993 yang menyediakan perkhidmatan yang komprehensif termasuk kemoterapi dan penjagaan paliatif di samping perkhidmatan pembedahan am.

Komitmen beliau sebagai ahli akademik dan Ketua Jabatan Surgeri selama 6 tahun banyak membantu di dalam perkembangan ilmu surgeri di Universiti Malaya. Sebagai Ketua Jabatan, Dr. Yip telah bekerjasama dengan Ketua Jabatan Pembedahan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi membangunkan modul Peperiksaan Sarjana Surgeri (Bahagian 2) secara berkumpulan pada tahun 2007.

Bermula dengan geran penyelidikan IRPA yang diperolehi pada tahun 1995, penyelidikan epidemiologi kanser payudara telah dikembangkan lagi pada tahun 2011 apabila Dr. Yip telah mendapatkan geran penyelidikan bernilai RM15 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia. Kini, beliau mempunyai lebih daripada 180 penerbitan dalam jurnal berwasit, terutamanya mengenai kanser payudara dalam konteks Asia dan mempunyai indeks H 23 .

Walaupun telah bersara daripada Universiti Malaya, beliau masih memainkan peranan sebagai Pakar Perunding Pelawat untuk Jabatan Surgeri, Fakulti Perubatan, UM. Sebagai pakar perunding dalam pembedahan payudara di Ramsay Sime Darby Healthcare, beliau telah menubuhkan satu repositori tisu dan pangkalan data kanser payudara dengan Penyelidikan Kanser Malaysia (CRM) di Pusat Perubatan Subang Jaya dan merupakan doktor utama bagi program penyelidikan kanser payudara di CRM. Baru-baru ini, beliau telah dilantik sebagai ahli bebas Lembaga Amanah Anugerah Merdeka 2016 – 2018.

Sumbangan Dr. Yip di peringkat nasional dan antarabangsa tidak dapat disangkal lagi. Dr. Yip merupakan bekas Presiden Persatuan Pakar - Pakar Bedah Universiti Asia (2003-2005). Pada tahun 2010, beliau menjadi wanita pertama yang memegang jawatan Presiden Kolej Pakar Bedah Malaysia. Dr. Yip juga bergiat dalam kawalan kanser dan pencegahan dan merupakan bekas Presiden Pertubuhan Asia Pasifik untuk Pencegahan Kanser. Beliau telah dilantik sebagai pakar dalam kawalan kanser oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Beliau juga dilantik sebagai Panel Pakar dalam organisasi antarabangsa seperti Persidangan Antarabangsa Kawalan Kanser, Inisiatif Global Kesihatan Payudara dan Konsortium Antarabangsa Langkah-langkah Hasil Kesihatan. Beliau kini merupakan Presiden Payudara Pembedahan Antarabangsa

dan ahli organisasi Persatuan Pembedahan Antarabangsa.

Sifat tekun, penyayang dan baik hati telah meletakkan Dr. Yip sebagai pakar bedah payudara utama di negara ini. Dr. Yip bekerja rapat dengan kumpulan sokongan kanser payudara dan badan bukan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dan pengesanan awal kanser payudara. Beliau merupakan penasihat teknikal kepada Persatuan Kebajikan Kanser Payudara, kumpulan sokongan kanser payudara utama di negara. Pada

bulan Mei 2012, beliau telah dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) daripada Sultan Perak yang membawa gelaran Dato'.

Kejayaan yang diperolehi oleh Dr. Yip kini turut dikongsi bersama suami tercinta, Encik Song Soon Hee dan 2 orang anak mereka yang telah mengikut jejak langkah beliau di bidang kedokteran.

"Mohon izin Tuanku Canselor mengurniakan kepada Yip Cheng Har, Gelaran Profesor Emeritus"

UCAPAN WAKIL PENERIMA ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT
oleh
HAJI ABDULLAH HAJI SALLEH

Sabtu, 15 Oktober 2016 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Tuanku Canselor, Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dengan penuh takzim merafak sembah merakam setinggi-tinggi junjung kasih kepada kebawah Duli Tuanku atas penghargaan yang telah diberikan kepada patik pada pagi ini dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam.

Anugerah ini amat bermakna kepada patik oleh kerana ianya diberikan oleh Universiti Malaya di mana patik pernah menimba ilmu di universiti terulung ini. Ianya lebih istimewa lagi bermakna kepada patik dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli menyampaikan anugerah ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memberi sedikit ucapan kepada para hadirin sekalian.

Dif-dif Kehormat,

Warga Universiti Malaya, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya terlebih dahulu ingin melafazkan rasa amat syukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya untuk saya menerima Ijazah Doktor Kehormat Pengajian Islam dari Universiti Malaya.

Pada tahun 1974, saya telah mendaftar sebagai mahasiswa Universiti Malaya dan pada tahun 1977, saya berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam) dengan Kepujian dan muncul sebagai Siswazah Terbaik. Alhamdulillah.

Setelah 39 tahun kemudian, pada hari ini saya dianugerahkan Ijazah Kehormat ini. Alhamdulillah, ia merupakan satu penghargaan besar untuk saya menambahkan bakti kepada ummah.

Para hadirin sekalian,

Menyedari betapa pentingnya belajar agama Islam, sejak sebelum usia 15 tahun lagi, saya terpenggil untuk lebih gigih mencari dan mendalami ilmu Agama di samping melibatkan diri dalam dunia pendidikan, penulisan dan dakwah. Pada usia 15 tahun, saya dilantik menjadi Guru Pelatih oleh Jabatan Pelajaran Kelantan dan pada usia itu juga, saya mula menghasilkan karya Agama dengan karya sulong saya "Islam Agama Persatuan dan Demokrasi". Ya, terlalu awal bagi saya untuk menyentuh soal Agama dan politik sebelum merdeka sebagai tindak balas ke atas dasar penjajah "Pecah dan perintah" (*Divide and rule*). Manakala pengertian demokrasi pada masa itu ialah dasar sama rata dan sama rasa: antara pemerintah dan rakyat.

Para hadirin sekalian,

Generasi muda terutamanya perlu memperlengkapkan diri dengan kefahaman Agama yang benar sebagaimana diajar oleh Rasulullah SAW supaya mereka benar-benar menjadi manusia yang soleh, berguna kepada Agama dan Negara. Dengan ini boleh mengelakkan diri mereka dari terjerumus dalam perkara-perkara negatif seperti jenayah, aktiviti keganasan dan lain-lain.

Para hadirin sekalian,

Dalam kesempatan ini, saya ingin mendedahkan secebis panduan berilmu: bahawa dasar pengajian Islam adalah selari dengan tujuan hidup manusia yang digariskan Allah SWT sendiri untuk menjadi hamba-Nya yang mengabdikan diri kepada-Nya; maka hala tuju ilmu dan pendidikan Islam ialah untuk mencari keredhaan-Nya menuju ke Syurga; bukan ke neraka. Manakala kemuncak ilmu dalam Islam ialah berterusan menambah

ilmu, jujur kepada ilmu dan beramal sesanggup mungkin serta bersedia untuk menjawab soalan di akhirat nanti. Seterusnya model pendidikan Islam ialah mencontohi para Nabi, para Siddiqin, para Syuhada' dan para Salihin.

Para hadirin sekalian,

Mengakhiri ucapan ini, saya memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga Allah merahmati kita semua dengan rahmat dan kasih sayangnya. Saya juga mendoakan semoga Universiti Malaya yang menjadi kebanggaan kita semua terus maju dalam segenap lapangan dan diberkati Allah. Kepada para graduan yang diraikan dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ini, saya ucapkan tahniah dan syabas. Semoga kalian

menjadi insan berguna untuk Agama, bangsa dan Negara.

Sebelum mengundurkan diri, saya ingin menyampaikan serangkap pantun gubahan sendiri berbunyi:

*Dari Pangkor hendak ke Tanjung Pura,
Lama singgah di Datok Keramat,
Hati bersyukur tidak terkira,
Terima anugerah Doktor Kehormat.*

Ampun Tuanku,

Wabillahi taufiq walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**UCAPAN TOH PUAN PRO-CANSELOR
YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN DATO' SERI HAJJAH DR. AISHAH ONG**

Ahad, 16 Oktober 2016 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Saya bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah izinNya kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana penuh ceria untuk kita meraikan saat yang amat bermakna untuk para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sembah takzim dan menjunjung setinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor kerana memperkenan pelantikan semula saya sebagai Pro-Canselor Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Bahagian Kedua daripada 7 Bahagian yang telahpun bermula pada 15 Oktober 2016 dan akan berakhir pada 18 Oktober 2016.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5073 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 504 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1733 penerima Ijazah Sarjana dan 2836 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee, dan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam kepada Haji Abdullah bin Haji Salleh. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Abullah Zakaria bin Ghazali, Dato' Dr. Yip Cheng Har dan Dr. Wong Chiow San.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 819 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang

pengajian daripada Institut Pengajian Siswazah, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Fakulti Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Sains, Fakulti Pergigian, Pusat Kebudayaan dan Institut Kepimpinan Pendidikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan (*Research University*), Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk membantu pihak kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kesihatan, kemampunan ekonomi serta pembangunan modal insan yang berkualiti. Terbaru, satu laporan yang bertajuk *ASEAN Research Landscape* oleh Thomson Reuters telah menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan dilihat sebagai antara faktor pemangkin kejayaan ini. Laporan tersebut juga menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN yang lain seperti Singapura dan Thailand dalam bidang penyelidikan. Yang lebih membanggakan kita ialah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam, datangnya dari Universiti Malaya. Sementara itu, pada tahun 2015 sahaja, terdapat 132 jumlah paten telah kita daftarkan termasuk 4 paten pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya telah terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Hasilnya dapat dilihat sehingga bulan Jun 2016 sahaja, penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan sejumlah 1592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan UM juga mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) yang tertinggi dalam kalangan Universiti Penyelidikan semenjak tahun 2011.

Kejayaan-kejayaan lain turut dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di peringkat dunia apabila kita berbangga dengan kejayaan Pandelega Rinong,

pelajar Pusat Sukan meraih pingat perak di Sukan Olimpik 2016. Saudara Saiful Anwar Abdul Rani daripada Akademi Pengajian Islam pula membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review di Kookmin University Korea*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati. Sekadar menyebut beberapa nama, saya mengharapkan kejayaan mereka ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kejayaan bukan hanya untuk Universiti tetapi yang lebih penting untuk diri sendiri. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada mereka sekalian yang berjaya dengan cemerlang!

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Universiti Malaya akan terus mengorak langkah untuk membina kecemerlangan demi kecemerlangan pada masa hadapan. Dunia pendidikan yang semakin mencabar serta persekitaran yang kompetitif memerlukan tindakan dan perancangan agresif daripada pihak pengurusan universiti untuk terus meletakkan Universiti Malaya di mata dunia. Proses liberalisasi sektor pendidikan tinggi yang membuka ruang kemasukan universiti luar negara, untuk membina kampus mereka di Malaysia telah menambahkan persaingan dalam bidang pendidikan tinggi. Keadaan ini memberikan cabaran baru kepada universiti ulung ini untuk mengekalkan kecemerlangan serta membekalkan modal insan yang berkualiti tinggi kepada negara dan masyarakat.

Hubungan universiti dan masyarakat juga sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti ini telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan meringankan beban kerajaan. Sebagai contoh ialah projek Sistem Penapis Air Ultraturasan yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Sistem ini mampu menukar sumber air mentah sama ada air banjir, air sungai, telaga atau tasik kepada air bersih yang setanding dengan air paip yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air negeri. Hasil penyelidikan ini telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi untuk dijadikan sebagai aset penting ketika banjir melanda negara.

Para hadirin sekalian,

Jika kita perhatikan senario kehidupan kita pada hari ini, kita akan dapat melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Namun, masih terdapat jurang yang luas dalam pemupukan integrasi nasional antara kita. Justeru, besarlah harapan Universiti Malaya agar graduan dapat memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di universiti ini, melalui dana dan kursus program jalinan masyarakat, graduan meraih pengalaman untuk membantu segelintir komuniti yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim dan mangsa pelarian. Ini telah memupuk nilai-nilai yang penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang. Para graduan perlu peka dengan keperluan masyarakat dan sentiasa cuba untuk mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi di universiti ini untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dengan itu, amatlah diharapkan agar para graduan dapat memelihara rapi ukhuwah untuk memelihara keharmonian hidup bermasyarakat. Ukhuwah ialah asas pada kesatuan umat manusia dalam sesebuah masyarakat. Ia dapat diperkukuh melalui penggunaan bahasa dan perlakuan mengikut adab-adab yang disenangi dan dapat diterima secara baik oleh semua golongan masyarakat. Justeru, graduan perlu memastikan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sentiasa berlandaskan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan amalan dan budaya setiap kaum.

Para graduan sekalian,

Pastinya tidak ramai dalam kalangan graduan yang mengetahui, terdapatnya keluarga Arab beragama Islam sehingga hari ini menjalankan tanggungjawab untuk membuka dan menutup pintu *Church of the Holy Sepulchre*, sebuah gereja di Jerusalem. Satu tanggungjawab yang diwarisi turun-temurun. Di Malaysia pula, kita tidak ketinggalan menyaksikan semangat perpaduan kaum dan agama yang ditunjukkan oleh pelajar sebuah universiti dimana pelajar beragama Islam yang sedang menunaikan solat berjemaah di kawasan lapang telah dipayungi oleh rakan-rakan berbangsa India dan Cina apabila hujan turun secara tiba-tiba. Seharusnya cerita seperti ini dijadikan iktibar dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Walaupun berlainan agama, bangsa

dan kefahaman, hubungan kaum yang harmoni ialah kunci pada keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, laksanakanlah tanggungjawab untuk memupuk tali persaudaraan serta perpaduan dalam masyarakat kini dengan hati dan minda terbuka.

Semenjak era kemerdekaan, Universiti Malaya telah berperanan memperkasa keupayaan untuk melonjakkan negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Pengukuhan budaya kerja berprestasi tinggi adalah penting dalam ekosistem global yang kian kompetitif. Para graduan hendaklah melakukan transformasi minda supaya mampu menjadi pencipta kerja dan bukan lagi pencari kerja yang mengharapkan jawatan sebagai penjawat awam atau dalam organisasi swasta.

Nilai dan semangat keusahawanan perlu ditanam dalam diri para graduan dan dijadikan paksi akan wujudnya peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan. Universiti ini telah memainkan peranan ke arah ini. Sebagai contoh, memasukkan pendidikan keusahawanan menerusi usaha semakan kurikulum program ijazah pertama. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang dunia perniagaan.

Para Graduan Sekalian,

Kini, kita menyaksikan ketempangan akhlak dan kelompangan spiritual yang menjadi fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Krisis moral yang terus berlarutan perlu dipandang secara serius dan kritikal kerana mahasiswa ialah kelompok yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Izinkan saya mengingatkan para graduan tentang pentingnya untuk kita sentiasa menjaga akhlak, etika dan profesionalisme. Sentiasalah berpegang teguh pada agama dan nilai murni dan menjaga nama baik sendiri, keluarga dan Universiti Malaya di mana-mana sahaja anda berada.

Harus diingat, kejayaan yang anda kecapai hari ini sebenarnya bukanlah milik anda yang mutlak. Kejayaan ini juga ialah kejayaan insan-insan yang telah membesarkan dan mendidik anda sehingga menjadi seorang graduan universiti yang terulung di negara ini. Sebagai graduan yang berintegriti, anda mempunyai tanggungjawab moral untuk membalas segala pengorbanan dan jasa baik orang tua, ataupun ahli keluarga dan penjaga yang telah bersusah-payah membesarkan anda.

Untuk pengetahuan graduan semua, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan bilangan penghuni Pusat Jagaan Warga Emas, dari 5,714 orang penghuni pada tahun 2014 ke 6,083 orang penghuni pada tahun 2015. Statistik ini adalah sangat menyedihkan kerana ada ibu bapa yang semakin uzur terabai dan terpaksa menadah tangan seperti peminta sedekah menunggu anaknya memberikan kasih sayang dan nafkah. Kita tentunya tidak mahu undang-undang khusus digubal hanya untuk memastikan anak-anak melaksanakan tanggungjawab menjaga, menyediakan tempat tinggal, makan minum serta kasih sayang seperti yang dilaksanakan oleh negara lain melalui Akta Penjagaan Terhadap Ibu Bapa.

Walau apapun keadaan kehidupan anda, janganlah menjadi salah seorang penyumbang pada peningkatan kes pengabaian orang tua. Renungkan sejenak dan hayati keadaan ibu bapa yang telah mencurahkan kasih sayang dan berkorban tenaga serta wang ringgit demi memberikan pendidikan yang sempurna agar saudara menjadi orang yang berjaya menggenggam segulung ijazah pada hari ini. Kejayaan ini sebenarnya masih belum dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka. Oleh itu, berusaha membahagiakan mereka selagi ada hayat mereka.

Tahniah dan syabas kepada ibu bapa yang telah memberikan sokongan padu kepada anak-anak tuan/puan sehingga mereka berjaya mengecapi kejayaan ini. Semoga kejayaan anak-anak tuan/puan menjadi pendorong dan pemangkin kepada ahli keluarga yang lain dan masyarakat setempat di kawasan tuan/puan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Warga Universiti Malaya mengalu-alukan kedatangan para graduan untuk kembali menyambung pengajian di sini.

Para graduan sekalian,

Sebagai alumni, Universiti mengharapkan juga agar saudara kembali menabur bakti sebagai tanda terima kasih bagi mengekalkan perkembangan dan pembangunan universiti.

Dalam bidang penyelidikan industri, alumni diharapkan dapat membantu, membuka 'pintu' bagi universiti memasuki rangkaian industri yang diceburi oleh mereka, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Kerjasama seperti ini akan memberikan peluang kepada universiti untuk memakmurkan bidang industri tertentu melalui aplikasi teori yang telah dianalisis dan diuji bersama-sama dengan pakar industri yang lain.

Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar juga dapat merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan memberikan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar kurang upaya dan menyokong penambahbaikan yang inovatif di universiti.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Semoga anda semua bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kampus, staf akademik, staf pentadbir, staf pelaksana dan para pelajar di atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 146 pada tahun 2015 ke tangga 133 di dalam *QS World University Rankings* 2016. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah

meningkat dari tangga 29 pada tahun 2015 ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya naik ke tangga 30 dunia bagi subjek Pengajian Pembangunan serta tangga ke 37 dunia dalam bidang Elektrikal dan Elektronik yang telah diumumkan pada 6 September 2016. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan!

Tahniah saya ucapkan kepada Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Tan Sri Profesor Dr. Mohd. Amin Jalaludin serta Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar dan warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik kepada Universiti ini.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyeronokkan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**UCAPAN TOH PUAN PRO-CANSELOR
YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN DATO' SERI HAJJAH DR. AISHAH ONG**

Ahad, 16 Oktober 2016 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Saya bersyukur ke hadrat Allah swt, kerana dengan limpah izinNya kita dapat bertemu pada petang ini dalam suasana penuh ceria untuk kita meraikan saat yang amat bermakna untuk para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sembah takzim dan menjunjung setinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor kerana memperkenan pelantikan semula saya sebagai Pro-Canselor Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Bahagian Ketiga daripada 7 Bahagian yang telahpun bermula pada 15 Oktober 2016 dan akan berakhir pada 18 Oktober 2016.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5073 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 504 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1733 penerima Ijazah Sarjana dan 2836 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee, dan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam kepada Haji Abdullah bin Haji Salleh. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Abullah Zakaria bin Ghazali, Dato' Dr. Yip Cheng Har dan Dr. Wong Chiow San.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 728

graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Perubatan, Akademi Pengajian Islam, Akademi Pengajian Melayu dan Pusat Sukan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan (*Research University*), Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk membantu pihak kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kesihatan, kemampanan ekonomi serta pembangunan modal insan yang berkualiti. Terbaru, satu laporan yang bertajuk *ASEAN Research Landscape* oleh Thompson Reuters telah menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan dilihat sebagai antara faktor pemangkin kejayaan ini. Laporan tersebut juga menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN yang lain seperti Singapura dan Thailand dalam bidang penyelidikan. Yang lebih membanggakan kita ialah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam, datangnya dari Universiti Malaya. Sementara itu, pada tahun 2015 sahaja, terdapat 132 jumlah paten telah kita daftarkan termasuk 4 paten pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya telah terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Hasilnya dapat dilihat sehingga bulan Jun 2016 sahaja, penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan sejumlah 1592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan UM juga mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) yang tertinggi dalam kalangan Universiti Penyelidikan semenjak tahun 2011.

Kejayaan-kejayaan lain turut dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di peringkat dunia apabila kita berbangga dengan kejayaan Pandelega Rinong,

pelajar Pusat Sukan meraih pingat perak di Sukan Olimpik 2016. Saudara Saiful Anwar Abdul Rani daripada Akademi Pengajian Islam pula membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review di Kookmin University Korea*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati. Sekadar menyebut beberapa nama, saya mengharapkan kejayaan mereka ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kejayaan bukan hanya untuk Universiti tetapi yang lebih penting untuk diri sendiri. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada mereka sekalian yang berjaya dengan cemerlang.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Universiti Malaya akan terus mengorak langkah untuk membina kecemerlangan demi kecemerlangan pada masa hadapan. Dunia pendidikan yang semakin mencabar serta persekitaran yang kompetitif memerlukan tindakan dan perancangan agresif daripada pihak pengurusan universiti untuk terus meletakkan Universiti Malaya di mata dunia. Proses liberalisasi sektor pendidikan tinggi yang membuka ruang kemasukan universiti luar negara, untuk membina kampus mereka di Malaysia telah menambahkan persaingan dalam bidang pendidikan tinggi. Keadaan ini memberikan cabaran baru kepada universiti ulung ini untuk mengekalkan kecemerlangan serta membekalkan modal insan yang berkualiti tinggi kepada negara dan masyarakat.

Hubungan universiti dan masyarakat juga sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti ini telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan meringankan beban kerajaan. Sebagai contoh ialah projek Sistem Penapis Air Ultraturasan yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Sistem ini mampu menukar sumber air mentah sama ada air banjir, air sungai, telaga atau tasik kepada air bersih yang setanding dengan air paip yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air negeri. Hasil penyelidikan ini telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi untuk dijadikan sebagai aset penting ketika banjir melanda negara.

Para hadirin sekalian,

Jika kita perhatikan senario kehidupan kita pada hari ini, kita akan dapat melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Namun, masih terdapat jurang yang luas dalam pemupukan integrasi nasional antara kita. Justeru, besarlah harapan Univerisiti Malaya agar graduan dapat memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di universiti ini, melalui dana dan kursus program jalinan masyarakat graduan meraih pengalaman untuk membantu segelintir komuniti yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim dan mangsa pelarian. Ini telah memupuk nilai-nilai yang penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang. Para graduan perlu peka dengan keperluan masyarakat dan sentiasa cuba untuk mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti ini untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dengan itu, amatlah diharapkan agar para graduan dapat memelihara rapi ukhuwah untuk memelihara keharmonian hidup bermasyarakat. Ukhuwah ialah asas pada kesatuan umat manusia dalam sesebuah masyarakat. Ia dapat diperkukuh melalui penggunaan bahasa dan perlakuan mengikut adab-adab yang disenangi dan dapat diterima secara baik oleh semua golongan masyarakat. Justeru, graduan perlu memastikan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sentiasa berlandaskan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan amalan dan budaya setiap kaum.

Para graduan sekalian,

Pastinya tidak ramai dalam kalangan graduan yang mengetahui, terdapatnya keluarga Arab beragama Islam sehingga hari ini menjalankan tanggungjawab untuk membuka dan menutup pintu *Church of the Holy Sepulchre*, sebuah gereja di Jerusalem. Satu tanggungjawab yang diwarisi turun-temurun. Di Malaysia, kita tidak ketinggalan menyaksikan semangat perpaduan kaum dan agama yang ditunjukkan oleh pelajar sebuah universiti, di mana pelajar beragama Islam yang sedang menunaikan solat berjemaah di kawasan lapang telah dipayungi oleh rakan-rakan berbangsa India dan Cina apabila hujan turun secara tiba-tiba. Seharusnya cerita seperti ini dijadikan iktibar dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Walaupun berlainan

agama, bangsa dan kefahaman, hubungan kaum yang harmoni ialah kunci pada keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, laksanakanlah tanggungjawab untuk memupuk tali persaudaraan serta perpaduan dalam masyarakat kini dengan hati dan minda terbuka.

Semenjak era kemerdekaan, Universiti Malaya telah berperanan memperkasa keupayaan untuk melonjakkan negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Pengukuhan budaya kerja berprestasi tinggi adalah penting dalam ekosistem global yang kian kompetitif. Para graduan hendaklah melakukan transformasi minda supaya mampu menjadi pencipta kerja dan bukan lagi pencari kerja yang mengharapkan jawatan sebagai penjawat awam atau dalam organisasi swasta.

Nilai dan semangat keusahawanan perlu ditanam dalam diri para graduan dan dijadikan paksi akan wujudnya peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan. Universiti ini telah memainkan peranan ke arah ini. Sebagai contoh, memasukkan pendidikan keusahawanan menerusi usaha semakan kurikulum program ijazah pertama. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang dunia perniagaan.

Para Graduan Sekalian,

Kini, kita menyaksikan ketempangan akhlak dan kelompangan spiritual yang menjadi fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Krisis moral yang terus berlarutan perlu dipandang secara serius dan kritikal kerana mahasiswa ialah kelompok yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Izinkan saya mengingatkan para graduan tentang pentingnya untuk kita sentiasa menjaga akhlak, etika dan profesionalisme. Sentiasalah berpegang teguh pada agama dan nilai murni dan menjaga nama baik sendiri, keluarga dan Universiti Malaya di mana-mana sahaja anda berada.

Harus diingat, kejayaan yang anda kecapai hari ini sebenarnya bukanlah milik anda yang mutlak. Kejayaan ini juga ialah kejayaan insan-insan yang telah membesarkan dan mendidik anda sehingga menjadi seorang graduan universiti yang terulung di negara ini. Sebagai graduan yang berintegriti, anda mempunyai tanggungjawab moral untuk membalas segala pengorbanan dan jasa baik orang tua, ataupun ahli keluarga dan penjaga yang telah bersusah-payah membesarkan anda.

Untuk pengetahuan graduan semua, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan bilangan penghuni Pusat Jagaan Warga Emas, dari 5,714 orang penghuni pada tahun 2014 ke 6,083 orang penghuni pada tahun 2015. Statistik ini adalah sangat menyedihkan kerana ada ibu bapa yang semakin uzur terabai dan terpaksa menadah tangan seperti peminta sedekah menunggu anaknya memberikan kasih sayang dan nafkah. Kita tentunya tidak mahu undang-undang khusus digubal hanya untuk memastikan anak-anak melaksanakan tanggungjawab menjaga, menyediakan tempat tinggal, makan minum serta kasih sayang seperti yang dilaksanakan oleh negara lain melalui Akta Penjagaan Terhadap Ibu Bapa.

Walau apapun keadaan kehidupan anda, janganlah menjadi salah seorang penyumbang pada peningkatan kes pengabaian orang tua. Renungkan sejenak dan hayati keadaan ibu bapa yang telah mencurahkan kasih sayang dan berkorban tenaga serta wang ringgit demi memberikan pendidikan yang sempurna agar saudara menjadi orang yang berjaya menggenggam segulung ijazah pada hari ini. Kejayaan ini sebenarnya masih belum dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka. Oleh itu, berusaha lah membahagiakan mereka selagi ada hayat mereka.

Tahniah dan syabas kepada ibu bapa yang telah memberikan sokongan padu kepada anak-anak tuan/puan sehingga mereka berjaya mengecapi kejayaan ini. Semoga kejayaan anak-anak tuan/puan menjadi pendorong dan pemangkin kepada ahli keluarga yang lain dan masyarakat setempat di kawasan tuan/puan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Warga Universiti Malaya mengalu-alukan kedatangan para graduan untuk kembali menyambung pengajian di sini.

Para graduan sekalian,

Sebagai alumni, Universiti mengharapkan juga agar saudara kembali menabur bakti sebagai tanda terima kasih bagi mengekalkan perkembangan dan pembangunan universiti.

Dalam bidang penyelidikan industri, alumni diharapkan dapat membantu, membuka 'pintu' bagi universiti memasuki rangkaian industri yang diceburi oleh mereka, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Kerjasama seperti ini akan memberikan peluang kepada universiti untuk memakmurkan bidang industri tertentu

melalui aplikasi teori yang telah dianalisis dan diuji bersama-sama dengan pakar industri yang lain.

Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar juga dapat merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan memberikan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar kurang upaya serta menyokong peningkatan inovasi di universiti.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Semoga anda semua bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kampus, staf akademik, staf pentadbir, staf pelaksana dan para pelajar di atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 146 pada tahun 2015 ke tangga 133

di dalam *QS World University Rankings* 2016. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah meningkat dari tangga 29 pada tahun 2015 ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya naik ke tangga 30 dunia bagi subjek Pengajian Pembangunan serta tangga ke 37 dunia dalam bidang Elektrikal dan Elektronik yang telah diumumkan pada 6 September 2016. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan!

Tahniah saya ucapkan kepada Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Tan Sri Profesor Dr. Mohd. Amin Jalaludin serta Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar dan warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik kepada Universiti ini.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**PIDATO PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PENDIDIKAN untuk
YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. JEFFREY CHEAH FOOK LING**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
PROFESOR MADYA DR. MARIANI MD NOR
DEKAN, FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI MALAYA**

Ahad, 16 Oktober 2016 (Petang)

JEFFREY CHEAH FOOK LING.

Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah merupakan Pengasas dan Pengerusi bagi Kumpulan Sunway, yang merupakan sebuah konglomerat terkemuka di Malaysia yang berteraskan sektor hartanah dan pembinaan. Beliau dilahirkan di Pusing yang merupakan sebuah pekan kecil di Ipoh, Perak. Pendidikan awal beliau bermula di SMK Sultan Yussuf, Batu Gajah sebelum melanjutkan pengajian beliau di Victoria University, Melbourne, Australia dan kemudiannya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan. Setelah beliau menamatkan pengajian, beliau kembali ke Malaysia dan memulakan kerjaya sebagai seorang akauntan di kilang pemasangan motor. Pada tahun 1974, beliau meninggalkan syarikat tersebut untuk menubuhkan syarikat perlombongan bijih timah sendiri, dengan pelaburan permulaan sebanyak RM100,000.

Beliau amat sinonim dengan Kumpulan Sunway, dimana syarikat ini bertanggungjawab dalam membangunkan bekas lombong yang berkeluasan 350 hektar sehingga wujudnya *Sunway City* yang terkenal dengan taman tema Sunway Lagoon dan pusat membeli-belah Sunway Pyramid hinggalah ianya mendapat pelbagai pengiktirafan antarabangsa antaranya anugerah *World's Best Leisure Project* oleh *International Real Estate Federation, Paris* (FIABCI) pada tahun 2002.

Kehebatan beliau bukan sahaja dalam dunia perniagaan, malahan dalam membangunkan sektor pendidikan negara. Segalanya bermula pada tahun 1987 dimana Tan Sri Cheah telah menubuhkan Kolej Sunway sebagai universiti swasta, sebelum ianya bekerjasama dengan *Monash University* pada tahun 1998 sehinggalah tertubuhnya *Monash University Malaysia*, yang merupakan universiti asing pertama yang beroperasi di Malaysia. Pada tahun 2006, DYMM Sultan Selangor telah memperkenan pelantikan Tan Sri Cheah sebagai Canselor bagi Kolej Universiti Sunway. Bagi

menghargai sumbangan beliau kepada *Monash University Malaysia*, *Jeffrey Cheah School of Medicine & Health Sciences* dinamakan sempena nama beliau, pada tahun 2007. Beliau juga telah dilantik oleh Menteri Pendidikan sebagai Panel Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab bagi menilai sistem pendidikan negara.

Sebagai seorang yang membesar di Pusing, beliau secara peribadi menyaksikan bagaimana kemiskinan menafikan peluang untuk meneruskan pendidikan dan merealisasikan impian mereka. Beliau terdetik untuk membantu menyediakan pendidikan yang berkualiti pada kos yang berpatutan dengan dibantu oleh geran biasiswa. Disebabkan itu, pada tahun 1997, beliau telah mewujudkan Dana Amanah Pendidikan dan pada tahun 2010, Dana Amanah Pendidikan telah ditukar dan dikenali dengan nama Yayasan Jeffrey Cheah (JCF). Sehingga kini, JCF telah menyalurkan hampir RM270 juta biasiswa dan telah melaburkan keuntungannya bagi institusi pendidikan dalam menaik taraf fasiliti untuk memastikan kualiti pendidikan yang tinggi.

JCF juga telah banyak menyumbang kepada beberapa universiti terkemuka dunia antaranya Harvard, Cambridge dan Oxford untuk memudahkan hubungan dua hala diantara pensyarah dan penyelidik daripada Kumpulan Pendidikan Sunway dengan universiti-universiti tersebut. Pada bulan Ogos 2014, Tan Sri Cheah telah menerima undangan khas daripada Presiden, Universiti Harvard untuk menjadi ahli bagi *Global Advisory Council*. Sebagai penghargaan kepada sumbangan yang berterusan oleh Tan Sri Cheah kepada Harvard, beliau telah dianugerahkan sebagai ahli bagi *Harvard's COUR (Committee on University Resource)* yang merangkumi keahlian daripada dermawan-dermawan bagi memperkuat sumber universiti melalui kuasa dermawan. Beliau juga merupakan ahli bagi *Presiden's Associates* yang merupakan kohort dan rakan kongsi yang berdedikasi bagi Fakulti Sastera

dan Sains, Universiti Havard. Terbaharu, JCF telah mengadakan hubungan strategik bersama United Nations Sustainable Development Solutions Network (UNSDSN) bagi penubuhan *Jeffrey Sachs Center on Sustainable Development* di Universiti Sunway. Pusat ini bertujuan bagi menyokong matlamat Pembangunan Lestari oleh PBB. Tan Sri Cheah adalah antara dermawan yang dikenali di rantau Asia hinggalah beliau dianugerahkan *Forbes Asia's Heroes of Philanthropy* sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan 2015.

Di atas sumbangan beliau kepada negara dan di peringkat antarabangsa, beliau telah menerima anugerah dan pengiktirafan antaranya:

Pingat Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1988

Pingat Jaksa Pendamai (JP) pada tahun 1996

Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP) yang membawa gelaran Dato Seri

Darjah Panglima Setia Mahkota Malaysia (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri pada tahun 1996

dan pada tahun 2008, beliau telah dianugerahkan Honorary Officer Order of Australia (AO) oleh Kerajaan Australia

Beliau juga telah dianugerahkan dengan **sembilan ijazah kehormat** oleh universiti-universiti di antarabangsa antaranya *Monash University* (1995), *Oxford Brookes University* (1998) dan *University Lancaster* (2013).

Dengan sumbangan besar yang telah beliau berikan dalam memajukan sektor pendidikan negara, Universiti Malaya amat berbangga menjadi universiti tempatan pertama yang memberikan ijazah Doktor Kehormat kepada Tan Sri Jeffrey Cheah.

Mohon izin Toh Puan Pro-Canselor menganugerahkan kepada Jeffrey Cheah Fook Ling Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan.

UCAPAN PENERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PENDIDIKAN
oleh
YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. JEFFREY CHEAH FOOK LING

Ahad, 16 Oktober 2016 (Petang)

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, Pro-Canselor Universiti Malaya, dif-dif kehormat, tuan-tuan, puan-puan dan graduan sekalian.

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Pro-Canselor, izinkan saya meneruskan ucapan dalam Bahasa Inggeris.

*Allow me to start by thanking **Associate Professor Dr. Mariani binti Md. Nor, Dean of the Faculty of Education** for her generous introduction.*

I would like to sincerely thank University of Malaya for conferring on me this honorary doctorate. That it is an honorary doctorate in the field of education makes it even more meaningful to me. I am therefore humbled by this award, particularly from our nation's oldest and best-known university.

Ladies & Gentlemen,

When I received the official letter of conferment from your University, my attention was drawn to the University's Coat of Arms, which was designed by your University's first Chancellor and the Founding Father of Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

I reflected on the motto, "Ilmu Puncta Kemajuan," or "knowledge is the source of progress". I then reflected on the three Malayan tigers surrounding our national flower, the hibiscus, and symbolising the diverse races in Malaysia, who are working together to ensure the development of Malaysia.

In many ways, University of Malaya's Coat of Arms represents everything that I passionately care about. I believe, in no uncertain terms, that education paves the road to progress. I believe, without a shred of doubt, that unity in diversity is the only way we can create a better future for everyone who calls Malaysia our beloved country and home.

Graduands,

Over the past six decades, University of Malaya has woven itself into the very fabric of our nation's history. During this period, this university has been the gateway to progress for so many striving, hopeful, bright-eyed young Malaysians.

I would like to devote some brief remarks directly to the Graduating Class gathered here today.

I feel very privileged to be here with all of you in this venue, the Dewan Tunku Canselor, to celebrate this memorable milestone in your lives. You are embarking on the next part of your journey in life, at a very exciting juncture in world and Malaysian history.

I do not mean to bore you by reiterating the history of my own life. I believe that has already been detailed quite thoroughly earlier. But I do want to highlight one saying that was drilled into me by my dear parents when I was growing up in the small town of Pusing, Perak.

That proverb was: "The world is your oyster". So my first message is -- GO all out and seize these great opportunities that are now available to you! Develop your talents and qualities to achieve your full potential. Remember and realise that the world is your oyster! Please identify your talents as each one has been blessed with some special gift by God and please do your best to excel in whatever you do every day -- all the way!

My second message is this.

Let me explain -- in our present age, the challenge is not about collecting information but about applying it in ways that help society progress.

The biggest impediment we face is not a lack of resources, but a lack of imagination. This imagination deficit is best captured in that famous

quote by George Bernard Shaw: "Some men see things as they are, and ask why. Others dream things that never were, and ask why not!"

To dream and to ask "why not" is about daring to venture onto paths that others fear to tread; it is about a commitment to making a better world for the generations yet to come; and it is about living our lives steeped in values that can help realise the vision we all share. This involves taking risks. You have to be ready and willing to be wrong. It is all right to make a mistake, as long as you then learn from it. Take it from me, I know! In my corporate life, I have been wrong many times. But I learned, and I believe I haven't done too badly in life!

This willingness to always keep learning is what will stand all of you in good stead on the next leg of your life's journey. For when you join the work force in this globalised world, you will do so not only as a Malaysian national, but as a Global Citizen.

The scroll from University of Malaya can give you an advantage, but it is no guarantee. To succeed, you will need to rely on the non-academic credentials that you have learned and earned at this great institution.

My final message is -- please give back to society. You have graduated not just through your own hard work, but because of the sacrifices made by so many precious people - your parents, siblings, extended families, friends, teachers and lecturers, and of course your Vice Chancellor.

Cherish them and cultivate the desire and the drive "to give back to society". We all have and will get much - let's give back some, to make our beloved Malaysia a better, happier and more united and progressive country!

Ladies and Gentlemen,

In closing, please accept my heartiest congratulations once again to all the graduands here. Your parents must be very proud of you and you owe it to yourselves, your university and our country to serve society well.

Finally, my deepest gratitude is due to this foremost academic institution -- University of Malaya --- for graciously awarding me this Honorary Doctorate in Education. Before I end, I should take this opportunity to express my deep seated view on the future of education. Current trends in education point towards greater emphasis on the sciences & technology; on engineering and maths. This is as it should be. But this needs to be balanced with major exposure to the humanities. A generous liberal arts approach will help students develop the analytical and critical-thinking skills that are vital in a world awash with information.

Tan Sri Vice-Chancellor, members of the senate and council, I accept your prestigious honour with all humility and I thank you, for the trust and belief in my life's work.

Thank you.

**UCAPAN PRO-CANSELOR
YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**

Isnin, 17 Oktober 2016 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana penuh ceria untuk kita meraikan saat yang amat bermakna untuk para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu, saya mewakili warga Universiti Malaya, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong dengan pengisytiharan pelantikan semula sebagai Pro Canselor Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Bahagian Keempat daripada 7 Bahagian yang telahpun bermula pada 15 Oktober 2016 dan akan berakhir pada 18 Oktober 2016.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5073 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 504 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1733 penerima Ijazah Sarjana dan 2836 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee, dan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam kepada Haji Abdullah bin Haji Salleh. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Abullah Zakaria bin Ghazali, Dato' Dr. Yip Cheng Har dan Dr. Wong Chiow San.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 186

graduan dan Ijazah Sarjana Muda kepada 511 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Undang-Undang, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Kejuruteraan, Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan dan Institut Asia dan Eropah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk membantu pihak kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kesihatan, kemampanan ekonomi serta pembangunan modal insan yang berkualiti. Terbaru, satu laporan yang bertajuk *ASEAN Research Landscape* oleh Thomson Reuters telah menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan dilihat sebagai antara faktor pemangkin kejayaan ini. Laporan tersebut juga menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN yang lain seperti Singapura dan Thailand dalam bidang penyelidikan. Yang lebih membanggakan kita ialah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam, datangnya dari Universiti Malaya. Sementara itu, pada tahun 2015 sahaja, terdapat 132 jumlah paten telah kita daftarkan termasuk 4 paten pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya telah terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Hasilnya dapat dilihat sehingga bulan Jun 2016 sahaja, penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan sejumlah 1,592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan UM juga mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) yang tertinggi dalam kalangan Universiti Penyelidikan semenjak tahun 2011.

Kejayaan-kejayaan lain turut dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di peringkat dunia apabila kita berbangga dengan kejayaan Pandelega Rinong, pelajar Pusat Sukan meraih pingat perak di Sukan Olimpik 2016. Saudara Saiful Anwar Abdul

Rani daripada Akademi Pengajian Islam pula membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review di Kookmin University, Korea*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati. Sekadar menyebut beberapa nama, saya mengharapkan kejayaan mereka ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kejayaan bukan hanya untuk Universiti tetapi yang lebih penting untuk diri sendiri.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Universiti Malaya akan terus mengorak langkah untuk membina kecemerlangan demi kecemerlangan pada masa hadapan. Dunia pendidikan yang semakin mencabar serta persekitaran yang kompetitif memerlukan tindakan dan perancangan agresif daripada pihak pengurusan universiti untuk terus meletakkan Universiti Malaya di mata dunia.

Hubungan universiti dan masyarakat juga sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti ini telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan meringankan beban kerajaan. Sebagai contoh ialah projek Sistem Penapis Air Ultraturasan yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Sistem ini mampu menukar sumber air mentah sama ada air banjir, air sungai, telaga atau tasik kepada air bersih yang setanding dengan air paip yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air negeri. Hasil penyelidikan ini telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi untuk dijadikan sebagai aset penting ketika banjir melanda negara.

Para hadirin sekalian,

Jika kita perhatikan senario kehidupan kita pada hari ini, kita akan dapat melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Namun, masih terdapat jurang yang luas dalam pemupukan integrasi nasional antara kita. Justeru, besarlah harapan Universiti Malaya agar graduan dapat memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di universiti ini, melalui dana dan kursus program jalinan masyarakat graduan meraih pengalaman untuk membantu segelintir komuniti yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim dan mangsa pelarian. Ini dapat memupuk nilai-nilai yang penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang. Para graduan perlu peka dengan keperluan masyarakat dan sentiasa cuba untuk mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti ini untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dengan itu, amatlah diharapkan agar para graduan dapat memelihara hubungan erat bagi keharmonian hidup bermasyarakat. Graduan perlu memastikan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sentiasa berlandaskan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan amalan dan budaya setiap kaum. Walaupun berlainan agama, bangsa dan kefahaman, hubungan kaum yang harmoni ialah kunci pada keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, laksanakanlah tanggungjawab untuk memupuk tali persaudaraan serta perpaduan dalam masyarakat kini dengan hati dan minda terbuka.

Para Graduan Sekalian,

Kini, kita menyaksikan masalah akhlak dan spiritual yang menjadi fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Krisis moral yang terus berlarutan perlu dipandang secara serius dan kritikal kerana mahasiswa ialah kelompok yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Izinkan saya mengingatkan para graduan tentang pentingnya untuk kita sentiasa menjaga akhlak, etika dan profesionalisme. Elakkan diri daripada terjebak dalam salah laku seperti penipuan, penyelewengan, rasuah dan perbuatan yang tidak bermoral. Sentiasalah berpegang teguh pada agama dan nilai murni dan menjaga nama baik sendiri, keluarga dan Universiti Malaya di mana-mana sahaja anda berada.

Harus diingat, kejayaan yang anda kecapai hari ini sebenarnya bukanlah milik anda yang mutlak. Kejayaan ini juga ialah kejayaan insan-insan yang telah membesarkan dan mendidik anda sehingga menjadi seorang graduan universiti yang terulung di negara ini. Sebagai graduan yang berintegriti, anda mempunyai tanggungjawab moral untuk membalas segala pengorbanan dan jasa baik orang tua, ataupun ahli keluarga dan penjaga yang telah bersusah-payah membesarkan anda.

Untuk pengetahuan graduan semua, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan bilangan penghuni Pusat Jagaan Warga Emas, dari 5,714 orang penghuni pada tahun 2014 ke 6,083 orang penghuni pada tahun 2015. Walau apapun keadaan kehidupan anda, janganlah menjadilah salah seorang penyumbang pada peningkatan kes pengabaian orang tua. Renungkan sejenak dan hayati keadaan ibu bapa yang telah mencurahkan kasih sayang dan berkorban tenaga serta wang ringgit demi memberikan pendidikan yang sempurna agar saudara menjadi orang yang berjaya menggenggam segulung ijazah pada hari ini. Kejayaan ini sebenarnya masih belum dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka. Oleh itu, berusaha lah membahagiakan mereka selagi ada hayat mereka.

Tahniah dan syabas kepada ibu bapa yang telah memberikan sokongan padu kepada anak-anak tuan/puan sehingga mereka berjaya mengecapi kejayaan ini. Semoga kejayaan anak-anak tuan/puan menjadi pendorong dan pemangkin kepada ahli keluarga yang lain dan masyarakat setempat di kawasan tuan/puan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Warga Universiti Malaya mengalu-alukan kedatangan para graduan untuk kembali menyambung pengajian di sini.

Para graduan sekalian,

Sejajar dengan kecemerlangan demi kecemerlangan yang dilakarkan oleh universiti, maka di bahu para graduan juga diletakkan harapan dan cita-cita yang besar untuk melihat mereka melangkah keluar dari universiti ini sebagai seorang anggota masyarakat yang dinamik serta responsif pada keadaan sekeliling. Sebagai alumni, Universiti mengharapkan juga agar saudara kembali menabur bakti sebagai tanda terima kasih bagi mengekalkan perkembangan dan pembangunan universiti.

Alumni boleh berperanan memberikan khidmat pementoran tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di dalam industri atau membuka 'laluan' bagi pelajar diterima masuk sama ada untuk menjalani latihan praktikal atau menimba pengalaman bekerja di institusi tempat alumni bertapak membina kerjaya. Selain itu, alumni boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesion mereka seperti menjadi pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama sebagai sumbangan untuk membangunkan Alma Mater mereka.

Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar juga dapat merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan memberikan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar kurang upaya dan menyokong penambahbaikan yang inovatif di universiti. Harapan saya, sebagai *alma mater* Universiti ini, teruslah mendampingi Universiti ini dan mencari peluang untuk menyumbang kembali pada kejayaan Universiti Malaya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Semoga anda semua bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman. Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sahsiah diri demi kecemerlangan yang diimpikan.

"Para graduan sekalian, anda kini digelar Alumni Universiti Malaya."

Hadirin yang dihormati sekalian,

Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kampus, staf akademik, staf pentadbir, staf pelaksana dan para pelajar di atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 146 pada tahun 2015 ke tangga 133 di dalam *QS World University Rankings 2016*. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah meningkat dari tangga 29 pada tahun 2015 ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya naik ke tangga 30 dunia bagi subjek Pengajian Pembangunan serta tangga ke 37 dunia dalam bidang Elektrikal dan Elektronik yang telah diumumkan pada 6 September 2016. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan!

Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna di Universiti Malaya.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**PIDATO PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR PERNIAGAAN
untuk
DATUK DAVID CHUA KOK TEE
Diucapkan oleh Pemidato Umum
Profesor Dr. Che Ruhana Isa
DEKAN, FAKULTI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN**

Isnin, 17 Oktober 2016 (Pagi)

DAVID CHUA KOK TEE.

David Chua Kok Tee merupakan anak generasi pasca Perang Dunia II. Beliau dilahirkan dalam persekitaran keadaan sosial, ekonomi dan politik yang pada ketika itu, amat tidak menentu.

Dalam zaman pra-Merdeka di mana keluarga ibu bapanya menghadapi keadaan serba kekurangan: tanpa bekalan air dan elektrik, dan terpaksa bergantung kepada lampu minyak tanah dan sumber air adalah dari perigi atau air hujan titisan bumbung atap daun nipah.

Sebagai seorang anak Johor yang dibesarkan di kawasan terpencil di luarbandar yang dikelilingi dusun kelapa dan perkampungan Melayu, David Chua menghadiri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kong Nan di Parit Raja mulai 1955.

Beliau kemudian melanjutkan pelajaran menengah rendah melalui Kelas Peralihan di Sekolah Datuk Bentara Luar, Batu Pahat yang pada ketika itu menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar di samping pengajaran Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Cina, dan kemudian menyambung ke menengah tinggi di High School Batu Pahat.

Oleh kerana kekurangan tempat menampung bilangan pelajar yang ingin mengikuti pendidikan pra-universiti, maka David Chua terpaksa menduduki Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran atau Higher School Certificate dengan usaha persendirian. Beliau mendapat tawaran memasuki Universiti Malaya pada tahun 1970 dan berjaya mendapat Ijazah Kepujian Sarjana Muda Sastera B. A. Hons Kelas II Bahagian Atas, pada awal tahun 1973.

Melalui sistem pendidikan dari sekolah rendah hingga ke universiti, David Chua mempelajari tiga bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Keupayaan menguasai tiga bahasa mempunyai pengaruh dan kesan amat mendalam dalam kerjayanya dan aktiviti kemasyarakatan yang beliau ceburi dalam segenap lapisan.

Menyingkap kembali riwayat masa lampau, David Chua merupakan murid tunggal di kalangan kanak-kanak sebaya lepasan Darjah Enam sekolah rendah Kelas 1960 yang berjaya mendapat kelulusan Universiti. Peluang pendidikan merupakan titian untuk beliau menuju ke ambang kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan beliau.

Sejurus selepas tamat pendidikan Universiti, beliau ditawarkan jawatan sebagai Pembantu Peribadi kepada Pengerusi sebuah syarikat awam terkemuka yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur ketika itu (kini Bursa Malaysia) dalam bidang pemajuan hartanah. Dari detik itulah David Chua dengan usaha gigih dan kecenderungan terus menambah ilmunya, beliau telah dapat maju langkah demi langkah dalam dekad 1970an dan 1980an sehinggalah berjaya menjadi Ketua Eksekutif dalam syarikat-syarikat pemajuan hartanah terkemuka yang pernah beliau berkhidmat selama enambelas tahun.

Keazaman beliau mencapai cita-cita hidupnya tidak terbatas kepada memegang jawatan tinggi. Justru, beliau terus mara setapak lagi menjadi seorang usahawan dengan menubuhkan kumpulan syarikat yang beliau sendiri pimpin dan terus menceburi bidang pemajuan hartanah. Kegiatan pemajuan hartanah selama empat dekad telah menghasilkan beberapa mercutanda terkemuka dalam bentuk kawasan perumahan dan

komersial di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan kini di Pulau Pangkor, Negeri Perak Darul Ridzuan. Yang terkini ialah pelaburan dalam pemajuan projek peranginan bersepadu di Pulau Pangkor yang telah bermula pada tahun 2010, dan bakal menyaksikan antara lain sebuah ikon baru dalam bentuk “*The Ark of Pangkor*”, atau Bahtera Di Pangkor, yang telah bermula pembinaannya, dan akan disiapkan menjelang 2018.

Walaupun David Chua bergiat cergas di sektor swasta sepanjang kerjayanya, beliau banyak menyumbang tenaga dan bakti kepada badan-badan yang mewakili kepentingan sektor ekonomi yang penting khususnya dalam bidang pembangunan perumahan dan hartanah, serta sektor perniagaan dan perindustrian.

Selain dari memegang jawatan kanan dalam Persatuan, Dewan-Dewan Perniagaan di peringkat kebangsaan, beliau telah dilantik memegang jawatan badan-badan berkanun dan agensi kerajaan termasuk Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur [DBKL] 1987 – 1992. Dalam tahun 1990, Kerajaan melantik beliau sebagai Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara [MAPEN I], dan dalam tahun 2000, beliau dilantik semula, dan diberi kepercayaan menyandang jawatan Timbalan Pengerusi MAPEN II.

Dalam tempoh perkhidmatan tersebut, beliau telah memberi sumbangan penting dalam penambahbaikan beberapa aspek dalam peraturan, kaedah, akta dan perundangan mengenai pembangunan hartanah dan hal ehwal berkaitan pentadbiran tanah dan pentadbiran awam. Dalam tempoh yang sama, beliau turut memberi sumbangan dalam penggubalan dasar pembangunan industri, isu-isu kewangan dan ekonomi amnya.

Dalam tahun 2007 – 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi melantik beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya. Dalam tempoh lapan tahun tersebut beliau juga memainkan peranan dan menyumbang tenaga dalam syarikat-syarikat milik Universiti Malaya sesuai dengan kehendak zaman tersebut.

Walaupun usia ‘Warga Emas’ yang kian mendekati beliau, David Chua tidak kenal penat lelah kerana beliau cenderung mengangkat generasi muda menghayati pelbagai pengalaman yang pernah

beliau harungi sepanjang kerjayanya. Selain dari membangun generasi pelapis dalam pengurusan kumpulan syarikatnya, beliau terus diberi amanah memegang jawatan Pengarah dalam beberapa syarikat milik Bank Negara Malaysia. Di samping itu, sejak 2009 beliau dilantik sebagai Ahli Penal di Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia [SPRM], dan mulai 2015 DYMM Yang Dipertuan Agong melantik beliau sebagai Ahli Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah Malaysia.

Sepanjang kerjayanya di sektor swasta, David Chua tidak semata-mata menumpukan perhatian dan tenaga dalam kegiatan menerokai peluang perniagaan. Hampir separuh daripada masanya adalah untuk tujuan amal dan hal ehwal kemasyarakatan. Adalah menjadi falsafah hidupnya bahawa berkat nikmat yang diperolehi daripada masyarakat, kepada masyarakat itulah hendaknya nikmat itu ditabur kembali.

Begitulah riwayat ringkas seorang anak muda kelahiran di zaman serba kekurangan, dengan ketabahan hati dan usaha gigih telah berjaya menempuh ranjau di sepanjang jalan, setapak demi setapak, tanpa keluh kesah kerana nasib atau keadaan serba kekurangan yang mengekang iltizam untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya dan kehidupannya. Beliau telah juga berjaya memimpin dan mengasuh pasangan anak lelaki dan perempuannya, yang berjaya mencapai kelulusan professional dari universiti terkemuka, masing-masing dalam bidang kejuruteraan dan undang-undang.

Riwayat hidup, pendidikan dan kerjaya David Chua merupakan lambang dan contoh teladan kepada anak muda yang bertekad mencapai kecemerlangan. Beliau telah berjaya mengatasi segala rintangan dalam perjalanan hidup dan kerjayanya, bukan saja untuk kepentingan diri dan keluarga, malah untuk manfaat masyarakat dan negara.

Di atas sumbangan dan khidmat bakti, maka David Chua telah dianugerah beberapa Bintang Kebesaran iaitu Panglima Jasa Negara [PJN], Jasa Mangku Negara (JMN) dan Kesatria Mangku Negara (KMN) oleh DYMM Yang Dipertuan Agong.

“Mohon izin Tan Sri Pro-Canselor menganugerahkan kepada David Chua Kok Tee, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan.”

**UCAPAN PENERIMA IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR PERNIAGAAN
oleh
DATUK DAVID CHUA KOK TEE**

Isnin, 17 Oktober 2016 (Pagi)

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Pro Canselor;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti;

Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr. Mohd Amin Jalaludin, Naib Canselor;

Dif-dif kehormat, tuan-tuan, puan-puan dan para graduan yang saya muliakan.

Salam Sejahtera dan Salam hormat,

Mohon izin Tan Sri Pro Canselor untuk membenarkan saya berucap sebagai tanda penghargaan di atas penerimaan Ijazah Kehormat, Doktor Perniagaan Universiti Malaya tahun 2016.

Pada tahun 1973, di Dewan Tunku Canselor yang mulia ini, saya bertuah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera. Tidak saya sangka, 43 tahun kemudian, saya diberi penghormatan menerima Ijazah Kedoktoran Kehormat Perniagaan.

Di atas penganugerahan ini, saya dengan rendah hati merakamkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Universiti Malaya yang tercinta.

Penganugerahan Ijazah Kedoktoran ini membawa erti yang amat besar, bukan untuk diri saya semata-mata; malah ia adalah suatu pengiktirafan ke atas usaha dalam tempoh usia seseorang insan, dalam usahanya mencapai tujuan, harga diri dan matlamat hidup; dan dalam pada itu, bagaimana usaha dan pencapaian itu dapat memanfaatkan masyarakat dan negara. Ia sekaligus menekankan peri mustahaknya melalui pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat, seseorang dapat mengubah nasib melalui usaha, semangat dan jiwa yang kental untuk mencapai sesuatu yang lazimnya di anggap mustahil atau sukar menjadi kenyataan.

Graduan universiti selepas tamatnya pendidikan tinggi hanya menandakan bermulanya suatu lembaran baru dalam kehidupan yang membawa berbilang kemungkinan. Adakah jalan di hadapan ditentukan semata-mata dengan ilmu dan pengetahuan yang telah kita pelajari dalam pendidikan formal, ataupun apakah pilihan-pilihan lain yang boleh seseorang itu terokai?

Saya pernah berada di persimpangan jalan seumpama itu. Pada setiap detik masa dan tempat kita berada, pasti terdapat ruang dan peluang yang luas terbentang di hadapan kita. Yang berbeza ialah sama ada kita dapat mengenalpasti ruang dan peluang ini, dan menyambut bila ianya terjelma, dan berusaha mencapai yang terbaik mungkin dan membentuk kerjaya yang menyusul.

Dunia hari ini sedang mengalami pancaroba yang beraneka ragam. Dari sejarah kuno 5,000 ribu tahun yang lampau, manusia pada ketika itu menempuh apa yang dikatakan *revolusi pertanian* kerana perlu menghasilkan makanan untuk menyambung nyawa.

Kemudian, mulai tahun 1780an dan dalam 200 tahun yang menyusul, telah berlaku *revolusi perindustrian* yang membawa kepada kemunculan industri dan proses pengeluaran pelbagai barangan yang dapat dikendalikan bergantung kepada kemudahan kejenteraan. Proses ini telah berjaya membangun negara-negara perindustrian yang besar dan menjadi kaya raya, dan sekaligus menjadi kuasa besar dunia.

Mulai tahun 1990an pula, dunia memasuki era *revolusi maklumat* dan teknologi yang digunapakai atau IT. Merata-rata, kita telah terdedah kepada pelbagai peralatan IT dari telefon bimbit, komputer dan lain-lain kelengkapan sampingan yang memudahkan segala aspek kehidupan seharian.

Kalau dalam zaman kuno, dunia telah mengambil masa **beribu-ribu tahun** untuk menyelesaikan

masalah pertanian dan mempertingkatkan penghasilan makanan yang secukupnya menerusi **revolusi pertanian**, maka **revolusi perindustrian** yang menyusul hanya mengambil masa **dua ratus tahun** untuk membentuk masyarakat perindustrian yang menjadi tunggak penting ekonomi negara dan dunia.

Seterusnya, dengan kehadiran **revolusi maklumat** dan IT yang telah meresap dengan amat pesat, mendalam lagi meluas, ia hanya mengambil masa kira-kira **dua puluh tahun** untuk mencapai apa yang kita alami hari ini. Fenomena ini amat menakutkan dari segi kesan, dan implikasinya ke atas kehidupan manusia, dan pengendalian aktiviti ekonomi, sosial, politik dan kebudayaan.

Hari ini, negara-negara yang terkedepan dalam bidang **revolusi maklumat** dan IT, kini sedang mara setapak lagi ke tahap **revolusi kepandaian** atau **inteligence revolution**. Dengan kelebihan adanya ilmu pengetahuan, kemudahan sains, teknologi dan IT, proses transformasi akan beralih ke ala **digitisation**, didukung dengan kelebihan dan prasyarat tersebut. Organisasi-organisasi yang mempelopori proses ini sedang bergerak pantas memajukan sistem dan proses yang bakal membawa perubahan besar dalam sistem ekonomi, perniagaan dan perdagangan dan seterusnya akan mempengaruhi sistem sosial dan politik.

Perubahan yang mendesak ini membawa cabaran amat besar kepada kita semua, lebih-lebih lagi, untuk golongan muda yang berpendidikan tinggi. Mereka perlulah bersedia dengan minda, tanggapan dan sikap untuk menghadapi masa depan, terutamanya dari segi kepandaian mengendalikan cara dan kaedah yang sedang pesat beralih dari amalan semata-mata menggunakan ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan IT kepada ala **digitalization** dalam proses pengeluaran, pengurusan, pemprosesan data dan sistem-sistem operasi.

Universiti sebagai institusi pengajian tinggi perlulah memainkan peranan mencetuskan pemikiran dan menyambut cabaran yang mendatang, selaras dengan arah aliran sezaman, menuju ke masa depan era baru dan menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan yang dilengkapi dengan kepandaian minda untuk menghadapi realiti persekitaran dunia era baru.

Universiti Malaya merupakan institusi pengajian tinggi yang terulung di Malaysia, tanahair yang tercinta, tidak syak lagi akan memenuhi cabaran dan peranan ini dari segi inovasi dan mempelopori kepimpinan ke arah mencapai kecemerlangan dan kepandaian pada kemuncak dan mercu yang tertinggi.

Sekian. Terima kasih.

**UCAPAN PRO-CANSELOR
YANG AMAT BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**

Isnin, 17 Oktober 2016 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana penuh ceria untuk kita meraikan saat yang amat bermakna untuk para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu, saya mewakili warga Universiti Malaya, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong dengan pengisytiharan pelantikan semula sebagai Pro Canselor Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Bahagian Kelima daripada 7 Bahagian yang telahpun bermula pada 15 Oktober 2016 dan akan berakhir pada 18 Oktober 2016.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5073 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 504 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1733 penerima Ijazah Sarjana dan 2836 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee, dan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam kepada Haji Abdullah bin Haji Salleh. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Abullah Zakaria bin Ghazali, Dato' Dr. Yip Cheng Har dan Dr. Wong Chiow San.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 727 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, Fakulti Perubatan dan Pusat Sukan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk membantu pihak kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kesihatan, kemampanan ekonomi serta pembangunan modal insan yang berkualiti. Terbaru, satu laporan yang bertajuk *ASEAN Research Landscape* oleh Thomson Reuters telah menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan dilihat sebagai antara faktor pemangkin kejayaan ini. Laporan tersebut juga menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN yang lain seperti Singapura dan Thailand dalam bidang penyelidikan. Yang lebih membanggakan kita ialah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam, datangnya dari Universiti Malaya. Sementara itu, pada tahun 2015 sahaja, terdapat 132 jumlah paten telah kita daftarkan termasuk 4 paten pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya telah terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Hasilnya dapat dilihat sehingga bulan Jun 2016 sahaja, penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan sejumlah 1,592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan UM juga mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) yang tertinggi dalam kalangan Universiti Penyelidikan semenjak tahun 2011.

Kejayaan-kejayaan lain turut dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di peringkat dunia apabila kita berbangga dengan kejayaan Pandelega Rinong, pelajar Pusat Sukan meraih pingat perak di Sukan Olimpik 2016. Saudara Saiful Anwar Abdul

Rani daripada Akademi Pengajian Islam pula membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review di Kookmin University, Korea*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati. Sekadar menyebut beberapa nama, saya mengharapkan kejayaan mereka ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kejayaan bukan hanya untuk Universiti tetapi yang lebih penting untuk diri sendiri.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Universiti Malaya akan terus mengorak langkah untuk membina kecemerlangan demi kecemerlangan pada masa hadapan. Dunia pendidikan yang semakin mencabar serta persekitaran yang kompetitif memerlukan tindakan dan perancangan agresif daripada pihak pengurusan universiti untuk terus meletakkan Universiti Malaya di mata dunia.

Hubungan universiti dan masyarakat juga sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti ini telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan meringankan beban kerajaan. Sebagai contoh ialah projek Sistem Penapis Air Ultraturasan yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Sistem ini mampu menukar sumber air mentah sama ada air banjir, air sungai, telaga atau tasik kepada air bersih yang setanding dengan air paip yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air negeri. Hasil penyelidikan ini telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi untuk dijadikan sebagai aset penting ketika banjir melanda negara.

Para hadirin sekalian,

Jika kita perhatikan senario kehidupan kita pada hari ini, kita akan dapat melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Namun, masih terdapat jurang yang luas dalam pemupukan integrasi nasional antara kita. Justeru, besarlah harapan Universiti Malaya agar graduan dapat memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di universiti ini, melalui dana dan kursus program jalinan masyarakat graduan meraih pengalaman untuk membantu segelintir komuniti yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim dan mangsa pelarian. Ini telah memupuk nilai-nilai yang penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang. Para graduan perlu peka dengan keperluan masyarakat dan sentiasa cuba untuk mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti ini untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dengan itu, amatlah diharapkan agar para graduan dapat memelihara hubungan erat bagi keharmonian hidup bermasyarakat. Graduan perlu memastikan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sentiasa berlandaskan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan amalan dan budaya setiap kaum. Walaupun berlainan agama, bangsa dan kefahaman, hubungan kaum yang harmoni ialah kunci pada keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, laksanakanlah tanggungjawab untuk memupuk tali persaudaraan serta perpaduan dalam masyarakat kini dengan hati dan minda terbuka.

Para Graduan Sekalian,

Kini, kita menyaksikan masalah akhlak dan spiritual yang menjadi fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Krisis moral yang terus berlarutan perlu dipandang secara serius dan kritikal kerana mahasiswa ialah kelompok yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Izinkan saya mengingatkan para graduan tentang pentingnya untuk kita sentiasa menjaga akhlak, etika dan profesionalisme. Elakkan diri daripada terjebak dalam salah laku seperti penipuan, penyelewengan, rasuah dan perbuatan yang tidak bermoral. Sentiasalah berpegang teguh pada agama dan nilai murni dan menjaga nama baik sendiri, keluarga dan Universiti Malaya di mana-mana sahaja anda berada.

Harus diingat, kejayaan yang anda kecapai hari ini sebenarnya bukanlah milik anda yang mutlak. Kejayaan ini juga ialah kejayaan insan-insan yang telah membesarkan dan mendidik anda sehingga menjadi seorang graduan universiti yang terulung di negara ini. Sebagai graduan yang berintegriti, anda mempunyai tanggungjawab moral untuk membalas segala pengorbanan dan jasa baik orang tua, ataupun ahli keluarga dan penjaga yang telah bersusah-payah membesarkan anda.

Untuk pengetahuan graduan semua, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan bilangan penghuni Pusat Jagaan Warga Emas, dari 5,714 orang penghuni pada tahun 2014 ke 6,083 orang penghuni pada tahun 2015. Walau apapun keadaan kehidupan anda, janganlah menjadilah salah seorang penyumbang pada peningkatan kes pengabaian orang tua. Renungkan sejenak dan hayati keadaan ibu bapa yang telah mencurahkan kasih sayang dan berkorban tenaga serta wang ringgit demi memberikan pendidikan yang sempurna agar saudara menjadi orang yang berjaya menggenggam segulung ijazah pada hari ini. Kejayaan ini sebenarnya masih belum dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka. Oleh itu, berusaha lah membahagiakan mereka selagi ada hayat mereka.

Tahniah dan syabas kepada ibu bapa yang telah memberikan sokongan padu kepada anak-anak tuan/puan sehingga mereka berjaya mengecapi kejayaan ini. Semoga kejayaan anak-anak tuan/puan menjadi pendorong dan pemangkin kepada ahli keluarga yang lain dan masyarakat setempat di kawasan tuan/puan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Warga Universiti Malaya mengalu-alukan kedatangan para graduan untuk kembali menyambung pengajian di sini.

Para graduan sekalian,

Sejajar dengan kecemerlangan demi kecemerlangan yang dilakarkan oleh universiti, maka di bahu para graduan juga diletakkan harapan dan cita-cita yang besar untuk melihat mereka melangkah keluar dari universiti ini sebagai seorang anggota masyarakat yang dinamik serta responsif pada keadaan sekeliling. Sebagai alumni, Universiti mengharapkan juga agar saudara kembali menabur bakti sebagai tanda terima kasih bagi mengekalkan perkembangan dan pembangunan universiti.

Alumni boleh berperanan memberikan khidmat pementoran tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di dalam industri atau membuka 'laluan' bagi pelajar diterima masuk sama ada untuk menjalani latihan praktikal atau menimba pengalaman bekerja di institusi tempat alumni bertapak membina kerjaya. Selain itu, alumni boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesion mereka seperti menjadi pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama sebagai sumbangan untuk membangunkan Alma Mater mereka.

Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar juga dapat merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan memberikan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar kurang upaya dan menyokong penambahbaikan yang inovatif di universiti. Harapan saya, sebagai *alma mater* Universiti ini, teruslah mendampingi Universiti ini dan mencari peluang untuk menyumbang kembali pada kejayaan Universiti Malaya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Semoga anda semua bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman. Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sahsiah diri demi kecemerlangan yang diimpikan.

"Para graduan sekalian, anda kini digelar Alumni Universiti Malaya."

Hadirin yang dihormati sekalian,

Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kampus, staf akademik, staf pentadbir, staf pelaksana dan para pelajar di atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 146 pada tahun 2015 ke tangga 133 di dalam *QS World University Rankings 2016*. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah meningkat dari tangga 29 pada tahun 2015 ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya naik ke tangga 30 dunia bagi subjek Pengajian Pembangunan serta tangga ke 37 dunia dalam bidang Elektrikal dan Elektronik yang telah diumumkan pada 6 September 2016. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan!

Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna di Universiti Malaya.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

UCAPAN PIDATO PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS

untuk

DATUK DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI

Diucapkan oleh Pemidato Umum

PROFESOR MADYA DR. HANAFI BIN HUSSIN

DEKAN, FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

Isnin, 17 Oktober 2016 (Petang)

ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI.

Melayang serindit di atas permatang
Merbau berkicau di hujung muara
Pemanis kata selamat datang
Awal Bismillah pembuka bicara

Bunga tanjung kembang semalam
Pohon tinggi tidak berduri
Gelombang besar di laut dalam
Kerana tuan saya ke mari

Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, segak bergaya orangnya, kecil sosok tubuhnya dan sederhana orangnya, berkumis dan berjanggut namun senyuman sentiasa terukir.

Anak jati Besut, Terengganu ini dilahirkan pada 13 November 1951. Usia kanak-kanaknya dihabiskan di sisi ayah bonda dan keluarga tercinta di daerah kelahiran sebelum berhijrah ke Petaling Jaya, Selangor pada tahun 1968 bagi meneruskan pelajaran di tingkatan enam di Kolej Islam Malaya. Dua tahun kemudian, Datuk Dr. Abdullah menjejakkan kaki di Universiti Malaya sebagai mahasiswa di Fakulti Sastera (kini Fakulti Sastera dan Sains Sosial). Beliau memilih sejarah sebagai bidang pengkhususan dan dengan tekun mengikuti pengajian sehinggalah memperoleh ijazah sarjana muda sastera dengan kepujian pada tahun 1973.

Universiti Malaya terus menjadi pilihan beliau untuk menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun 1974, beliau mendaftar sebagai calon sarjana dalam bidang Sejarah Malaysia. Kajian berjudul “Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu, 1921-1928” berjaya disempurnakan dalam tempoh pencalonan yang paling minima iaitu selama dua tahun. Pada tahun 1977, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Masih setia dengan bidang sejarah Malaysia dengan penyelidikan berjudul

“Persaingan di antara Keluarga Sultan dengan Keluarga Temenggung di Johor, 1835-1885” dan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah oleh Universiti Malaya pada tahun 1985.

Universiti Malaya tidak hanya medan menuntut ilmu bahkan menjadi pentas mencurah bakti. Bermula sebagai pengajar sambilan di Jabatan Sejarah usai pengajian sarjana mudanya pada tahun 1973, jodohnya dengan universiti tersohor ini masih kekal sehingga ke hari ini.

Datuk Dr. Abdullah adalah seorang guru yang sangat disenangi, justeru tidak hairanlah beliau sentiasa menjadi rebutan dan pilihan para pelajar, sama ada untuk mengikuti kursus-kursusnya mahupun menjadi pelajar di bawah penyeliaannya. Sehingga kini, beliau berjaya melahirkan 23 orang graduan Ijazah Kedoktoran dan 16 siswazah Sarjana. Sebagai seorang ilmuan sejarah, beliau tidak lokek dengan ilmunya di mana Datuk Dr. Abdullah telah menghasilkan 166 penerbitan (32 buah buku, 72 bab dalam buku dan 62 artikel jurnal). Beliau juga telah membentangkan 210 kertas kerja di dalam dan luar negara.

Semangat cintakan ilmu yang sentiasa beliau suburkan dalam kalangan anak-anak didiknya turut terserlah ketika mana beliau diamanahkan sebagai Ketua Jabatan Sejarah (1998-1999, 2001-2003, 2007-2009). Dalam tempoh ini, beliau adalah orangnya yang bertanggungjawab memperkenalkan program Sarjana Sejarah Malaysia dan Sarjana Sejarah Asia Tenggara secara berkursus dan disertasi. Beliau juga yang menjadi penyokong kuat kepada beberapa orang kakitangan akademik muda untuk melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Eropah, Sejarah India, Sejarah China, Sejarah Malaysia dan Falsafah Sejarah. Kesemua mereka menamatkan pengajian dengan jayanya dan kini berkhidmat di Jabatan Sejarah.

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi tuan rasa nak dijunjung

Sumbangan Datuk Dr. Abdullah tidak hanya terbatas kepada pengajaran dan penyeliaan. Beliau diberi kepercayaan sebagai penilai manuskrip untuk penerbitan melibatkan Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit universiti di Malaysia. Kesarjanaannya turut diiktiraf sebagai pemeriksa luar bagi disertasi sarjana dan tesis Doktor Falsafah oleh Charles Darwin University, Australia; Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Beliau juga pernah menjadi penilai luar kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan Profesor bagi Universiti Awam Malaysia.

Kalau tuan pergi ke bendang
Jangan dipetik buah rembia
Tuan umpama bulan mengambang
Cahaya meliput serata dunia

Di luar lingkungan universiti, Datuk Dr. Abdullah acapkali dijemput menyumbang kepakaran, ilmu dan keserjanaan. oleh institusi luar seperti Majlis Peperiksaan Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Persatuan Muzium Malaysia, Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Lembaga Amanah Yayasan Karyawan, Arkib Negara Malaysia, Muzium Angkatan Tentera, Lembaga Muzium Negeri

Terengganu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Brunei Darussalam; sekadar menyebut beberapa nama daripada senarai yang panjang berjela.

Sumbangan beliau dalam mengangkat sejarah di Malaysia dapat diterjemah melalui banyaknya anugerah yang diterima. Pengiktirafan terawal adalah Darjah Paduka Cura Si Manja Kini pada tahun 1995, diikuti dengan Ahli Setia Mahkota Terengganu (2000) dan dua dari Kerajaan Negeri Melaka iaitu Darjah Seri Mulia (DSM) pada 2006 serta Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) pada 2012 yang membawa gelaran Datuk. Satu lagi anugerah yang tidak boleh dilupakan adalah Felo Persatuan Sejarah Malaysia yang beliau terima pada 2011 yang mencerminkan kesungguhan beliau dalam melestarikan sejarah, khususnya Sejarah Malaysia.

Jasamu dikenang,
Budimu tak terbilang
Semangatmu dijulung,
Kepimpinanmu gemilang

Begitulah kata-kata yang sesuai untuk menggambarkan ketokohan Prof. Abdullah Zakaria Ghazali, penerima anugerah Profesor Emeritus Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera & Sains Sosial.

“Mohon izin Tan Sri Pro-Canselor menganugerahkan kepada Abdullah Zakaria Ghazali, gelaran Profesor Emeritus”

**UCAPAN PENERIMA
GELARAN PROFESOR EMERITUS
untuk
DATUK DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI**

Isnin, 17 Oktober 2016 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, Selamat Petang dan Salam Sejahtera

Yang Amat Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob, Pro-Canselor Universiti Malaya, dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan dan graduan sekalian.

Pada petang yang indah ini, dalam Dewan Tunku Canselor yang penuh bersejarah berlangsung lagi penganugerahan ijazah dalam bidang masing-masing sebagai tanda berakhirnya segala penat lelah, menimba ilmu di menara gading. Segala ilmu tersebut perlu sekali diamalkan kelak dalam bidang kerjaya masing-masing. Namun jangan sekali-kali lupa, dalam kerjaya nanti, bertindaklah sebaik mungkin dengan tulus dan ikhlas untuk diri, keluarga, agama, bangsa dan tanah air. Dalam hal ini, wajar sekali menoleh ke belakang, menggunakan ilmu sejarah, mengambil teladan serta iktibar pada sejarah yang lampau, agar supaya senantiasa dipandu, dan tidak tergelincir dari landasan kebaikan dan kebenaran. Di sinilah pentingnya ilmu sejarah dalam kehidupan manusia di jagat raya ini. Segala memori sejarah silam dikumpul, dan diambil kearifannya sebagai panduan perjalanan hari ini dan akan datang. Melalui ilmu sejarah, manusia dan dunia akan senantiasa diajar, diingatkan, diberi iktibar, sinaran pedoman; dan akan terus menerus memantau serta memandu selagi kearifan memori kolektif sejarah tidak ditinggalkan.

Para hadirin sekalian,

Melalui ilmu sejarah, sebagai contoh: kita diberitahu, 59 tahun yang lalu, 1957 negara Malaysia mencapai kemerdekaan, dan menjadi negara berdaulat, Raja Berpelembagaan. Dalam pada itu, sejarah juga memaklumkan kepada kita, dalam perjuangan kemerdekaan tersebut, selain kerajaan Perikatan pimpinan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj, Raja-raja Melayu juga memainkan peranan penting. Begitulah

antara lain, sejarah amat penting dalam kehidupan manusia dan negara di jagat raya ini. Manusia dan negara tanpa sejarah, manusia dan negara tersebut tanpa tamadun, dan seterusnya tidak ada ertian dan makna di alam maya raya ini.

Pada hari ini saya bersyukur kepada Allah, kerana dengan izin dan perkenanNya saya berada di pentas ini, serta menerima anugerah Profesor Emeritus daripada Yang Amat Berbahagia Pro-Canselor. Sehubungan itu saya merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Tuanku Canselor Universiti Malaya kerana perkenan baginda, upacara penganugerahan ini berlangsung. Sementara itu ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor, Siti Norma Yaacob di atas penganugerahan gelar tersebut kepada saya. Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Malaya, pimpinan Yang Amat Berbahagia Tan Sri Profesor Dr. Mohamad Amin Jalaluddin. Juga ucapkan terima kasih ini ditujukan kepada Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Ketua Jabatan Sejarah, rakan jabatan dan fakulti di atas sokongan yang tidak ternilai membawa kepada penganugerahan ini. Ucapan terima kasih tidak akan lengkap tanpa menyebut dorongan, kerjasama dan memahami karenah seorang akademik kepada isteri tercinta Wan Masturah Wan Napi dan anak. Mereka hadir sama di dewan ini meraikan pencapaian suami dan ayahnya.

Sesungguhnya tidak termampu pada waktu ini atau bila-bila pun untuk saya merakamkan ucapan penghargaan, kerana terlalu ramai terlibat, dan banyak institusi yang menyokong kejayaan saya hari ini. Kepada semua, sama ada secara langsung dan tidak langsung yang mendorong dan menyokong kepada penganugerahan petang ini, saya dengan rendah hati, tulus ikhlas dengan hati bersih berkekal selagi ada bulan dan bintang, serta peredaran cekerwala, dan selagi hayat dikandung badan akan tetap menyimpan dilubuk hati kenangan indah dan manis ini. Tidak ada kata untuk diungkapkan lagi, selain serangkap pantun

Melayu lama pengganti diri, sebagai tanda terima kasih berkekalan kepada mereka yang berjasa kepada penganugerahan ini.

Pisang Emas Dibawa Berlayar
Masak Sebij Di atas Peti
Hutang Emas Boleh Dibayar
Hutang Budi Dibawa Mati

Yang Amat Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Dengan pantun tersebut, saya mohon izin mengundur diri.

Sekian, terima kasih.
Wabillahi taufiq walhidayat, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN TAN SRI PRO-CANSELOR YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAMLI NGAH TALIB

Selasa, 18 Oktober 2016 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana penuh ceria untuk kita meraikan saat yang amat bermakna untuk para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,
Dikesempatan ini, saya dan para hadirin sekalian ingin menyebarkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kebawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Tuanku Canselor Universiti Malaya atas pelantikan Baginda sebagai Timbalan Yang Di Pertuan Agong Malaysia selepas setahun Baginda menaiki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Perak. Baginda seorang cendekiawan yang berpendidikan dari Universiti Oxford dan memperolehi Ph.D dari Universiti Harvard - kedua-duanya adalah antara universiti yang terulung di dunia, InshaAllah akan mampu memegang tampuk *Philosopher King* yang dimaksudkan oleh Plato's Republic. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong dengan pengisytiharan pelantikan semula sebagai Pro Canselor Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Bahagian Keenam daripada 7 Bahagian yang telahpun bermula pada 15 Oktober 2016 dan akan berakhir pada 18 Oktober 2016.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5073 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah

tersebut, 504 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1733 penerima Ijazah Sarjana dan 2836 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee, dan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam kepada Haji Abdullah bin Haji Salleh. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Dato' Dr. Yip Cheng Har dan Dr. Wong Chiow San.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 818 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Pergigian, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Akademi Pengajian Islam dan Akademi Pengajian Melayu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan (*Research University*), Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk membantu pihak kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kesihatan, kemampanan ekonomi serta pembangunan modal insan yang berkualiti. Terbaru, satu laporan yang bertajuk *ASEAN Research Landscape* oleh Thomson Reuters telah menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan dilihat sebagai antara faktor pemangkin kejayaan ini. Laporan tersebut juga menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN yang lain seperti Singapura dan Thailand dalam bidang penyelidikan. Yang lebih membanggakan kita ialah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam, datangnya dari Universiti

Malaya. Sementara itu, pada tahun 2015 sahaja, terdapat 132 jumlah paten telah kita daftarkan termasuk 4 paten pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya telah terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Hasilnya dapat dilihat sehingga bulan Jun 2016 sahaja, penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan sejumlah 1592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan UM juga mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) yang tertinggi dalam kalangan Universiti Penyelidikan semenjak tahun 2011.

Kejayaan-kejayaan lain turut dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di peringkat dunia apabila kita berbangga dengan kejayaan Pandelega Rinong, pelajar Pusat Sukan Universiti Malaya meraih pingat perak di Sukan Olimpik 2016. Saudara Saiful Anwar Abdul Rani daripada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pula membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review di Kookmin University Korea)*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati. Sekadar menyebut beberapa nama, saya mengharapkan kejayaan mereka ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kejayaan bukan hanya untuk Universiti tetapi yang lebih penting untuk diri sendiri.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Universiti Malaya akan terus mengorak langkah untuk membina kecemerlangan demi kecemerlangan pada masa hadapan. Dunia pendidikan yang semakin mencabar serta persekitaran yang kompetitif memerlukan tindakan dan perancangan agresif daripada pihak pengurusan universiti untuk terus meletakkan Universiti Malaya di mata dunia. Proses liberalisasi sektor pendidikan tinggi yang membuka ruang kemasukan universiti luar negara, untuk membina kampus mereka di Malaysia telah menambahkan persaingan dalam bidang pendidikan tinggi. Keadaan ini memberikan cabaran baru kepada universiti ulung ini untuk mengekalkan kecemerlangan serta membekalkan modal insan yang berkualiti tinggi kepada negara dan masyarakat.

Hubungan universiti dan masyarakat juga sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti ini telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan meringankan beban kerajaan. Sebagai contoh ialah projek Sistem Penapis Air Ultraturusan yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Sistem ini mampu menukar sumber air mentah sama ada air banjir, air sungai, telaga atau tasik kepada air bersih yang setanding dengan air paip yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air negeri. Hasil penyelidikan ini telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi untuk dijadikan sebagai aset penting ketika banjir melanda negara.

Para hadirin sekalian,

Jika kita lihat senario kehidupan kita pada hari ini, kita akan dapat melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Namun, masih terdapat jurang yang luas dalam pemupukan integrasi nasional antara kita. Justeru, besarlah harapan Universiti Malaya agar graduan dapat memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di universiti ini, melalui dana dan kursus program jalinan masyarakat graduan meraih pengalaman untuk membantu sebahagian kecil komuniti yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim dan mangsa pelarian. Ini telah memupuk nilai-nilai yang penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang. Para graduan perlu peka dengan keperluan masyarakat dan sentiasa cuba untuk mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti ini untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dengan itu, amatlah diharapkan agar para graduan dapat memelihara rapi ukhuwah untuk memelihara keharmonian hidup bermasyarakat. Ukhuwah ialah asas pada kesatuan umat manusia dalam sesebuah masyarakat. Ia dapat diperkukuh melalui penggunaan bahasa dan perlakuan mengikut adab-adab yang disenangi dan dapat diterima secara baik oleh semua golongan masyarakat. Justeru, graduan perlu memastikan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sentiasa berlandaskan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan amalan dan budaya setiap kaum.

Para graduan sekalian,

Pastinya tidak ramai dalam kalangan graduan yang mengetahui, terdapatnya keluarga Arab beragama Islam sehingga hari ini menjalankan tanggungjawab untuk membuka dan menutup pintu *Church of the Holy Sepulchre*, sebuah gereja di Jerusalem. Satu tanggungjawab yang diwarisi turun-temurun. Di Malaysia, kita tidak ketinggalan menyaksikan semangat perpaduan kaum dan agama yang ditunjukkan oleh pelajar sebuah universiti. Pelajar yang sedang menunaikan solat berjemaah di kawasan lapang telah dipayungi oleh rakan-rakan berlainan agama apabila hujan turun secara tiba-tiba. Seharusnya cerita seperti ini dijadikan iktibar dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Walaupun berlainan agama, bangsa dan kefahaman, hubungan kaum yang harmoni ialah kunci pada keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, laksanakanlah tanggungjawab untuk memupuk tali persaudaraan serta perpaduan dalam masyarakat kini dengan hati dan minda terbuka.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dan tertubuhnya Universiti Malaya di tanah air, ia telah berperanan memperkasa keupayaan untuk melonjakkan negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Penguksuhan budaya kerja berprestasi tinggi adalah penting dalam ekosistem global yang kian kompetitif. Para graduan hendaklah melakukan transformasi minda supaya mampu menjadi pencipta kerja dan bukan lagi pencari kerja yang mengharap jawatan sebagai penjawat awam atau dalam organisasi swasta.

Nilai dan semangat keusahawanan perlu ditanam dalam diri para graduan dan dijadikan paksi dalam mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan. Bagi pihak universiti sendiri, telah banyak yang kita lakukan, seperti memasukkan pendidikan keusahawanan menerusi ekseseis semakan kurikulum program ijazah pertama. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang dunia perniagaan. Kesungguhan untuk mencapai kesempurnaan pekerjaan dan kualiti hidup pernah ditekankan oleh Steve Jobs, Pengerusi *Apple Incorporated* iaitu, *"I'm convinced that about half of what separates the successful entrepreneurs from the non-successful ones is pure perseverance"*. Steve Jobs tahu apa makna kesungguhan sebenarnya. Beliau berhadapan dengan cabaran yang besar; *Apple Incorporated* yang dimilikinya tidak terserlah dalam persaingan dengan Microsoft dalam dunia

komputer. Syarikatnya *Apple Incorporated* hampir digulung tetapi dengan kesungguhan, beliau bangun berjaya menerokai bidang telefon bimbit dan kemudian beliau berjaya menjadikan *Apple incorporated* sebagai sebuah syarikat teknologi yang terulung di dunia.

Para Graduan Sekalian,

Kini, kita menyaksikan ketempangan akhlak dan kelompangan spiritual yang menjadi fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Krisis moral yang terus berlarutan perlu dipandang secara serius dan kritikal kerana mahasiswa ialah kelompok yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Izinkan saya mengingatkan para graduan tentang pentingnya untuk kita sentiasa menjaga akhlak, etika dan profesionalisme. Elakkan diri daripada terjebak dalam salah laku seperti penipuan, penyelewengan, rasuah dan perbuatan yang tidak bermoral. Kesungguhan mencapai kejayaan dalam kerjaya, tidak bermakna kita boleh menghalalkan apa-apa sahaja tindakan bagi mencapainya kerana sesungguhnya matlamat tidak menghalalkan cara. Sentiasalah berpegang teguh pada agama dan nilai murni dan menjaga nama baik sendiri, keluarga dan Universiti Malaya di mana-mana sahaja anda berada.

Harus diingat, kejayaan yang anda kecapai hari ini sebenarnya bukanlah milik anda yang mutlak. Kejayaan ini juga ialah kejayaan insan-insan yang telah membesarkan dan mendidik anda sehingga menjadi seorang graduan universiti yang terulung di negara ini. Sebagai graduan yang berintegriti, anda mempunyai tanggungjawab moral untuk membalas segala pengorbanan dan jasa baik ibu bapa dan penjaga kita, yang telah bersusah-payah membesarkan anda.

Untuk pengetahuan graduan semua, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan bilangan penghuni Pusat Jagaan Warga Emas, dari 5,714 orang penghuni pada tahun 2014 ke 6,083 orang penghuni pada tahun 2015. Statistik ini adalah sangat menyedihkan kerana ada ibu bapa yang semakin uzur terabai dan menunggu anaknya memberikan kasih sayang dan nafkah. Kita tentunya tidak mahu undang-undang khusus digubal hanya untuk memastikan anak-anak melaksanakan tanggungjawab menjaga ibu bapa mereka.

Walau apapun keadaan kehidupan anda, janganlah menjadi salah seorang penyumbang pada

peningkatan kes pengabaian orang tua. Renungkan sejenak dan hayati keadaan ibu bapa yang telah mencurahkan kasih sayang dan berkorban tenaga serta wang ringgit demi memberikan pendidikan yang sempurna agar saudara menjadi orang yang berjaya menggenggam segulung ijazah pada hari ini. Kejayaan ini sebenarnya masih belum dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka. Oleh itu, berusahalah membahagiakan mereka selagi ada hayat mereka. Janganlah saudara menjadi si Tanggung Moden yang mengabaikan insan yang banyak berbudi dan jasa sehingga anda semua berada di sini pada hari ini.

Tahniah dan syabas kepada ibu bapa yang telah memberikan sokongan padu kepada anak-anak tuan/puan sehingga mereka berjaya mengecapi kejayaan ini. Semoga kejayaan anak-anak tuan/puan menjadi pendorong dan pemangkin kepada ahli keluarga yang lain dan masyarakat setempat di kawasan tuan/puan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Warga Universiti Malaya mengalu-alukan kedatangan para graduan untuk kembali menyambung pengajian di sini.

Para graduan sekalian,

Sejajar dengan kecemerlangan demi kecemerlangan yang dilakarkan oleh universiti, maka di bahu para graduan juga diletakkan harapan dan cita-cita yang besar untuk melihat mereka melangkah keluar dari universiti ini sebagai seorang anggota masyarakat yang dinamik serta responsif pada keadaan sekeliling. Sebagai alumni, Universiti mengharapkan juga agar saudara kembali menabur bakti terutamanya kepada sebuah tabung yang diharap akan ditubuhkan sedikit masa lagi menyusul dari titah DYMM Tuanku Canselor pada tahun 2015 sebagai tanda terima kasih. Penghargaan sedemikian oleh seluruh alumni mampu mengekalkan perkembangan dan pembangunan universiti.

Dalam bidang penyelidikan industri, alumni diharapkan dapat membantu, membuka 'pintu' bagi universiti memasuki rangkaian industri yang diceburi oleh mereka, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Kerjasama seperti ini akan memberikan peluang kepada universiti untuk memakmurkan bidang industri tertentu melalui aplikasi teori yang telah dianalisis dan diuji bersama-sama dengan pakar industri yang lain. Kejayaan pemindahan pengetahuan juga akan meningkatkan kapasiti dan reputasi universiti ini dengan signifikan di persada nasional dan antarabangsa.

Alumni juga dapat berperanan memberikan khidmat mentor tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di dalam industri atau membuka 'laluan' bagi pelajar diterima masuk sama ada untuk menjalani latihan praktikal atau menimba pengalaman bekerja di institusi tempat alumni bertapak membina kerjaya. Selain itu, alumni boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesion mereka seperti menjadi pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama sebagai sumbangan untuk membangunkan Alma Mater mereka. Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar juga dapat merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan memberikan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar kurang upaya dan menyokong penambahbaikan yang inovatif di universiti. Harapan saya, sebagai *alma mater* Universiti ini, teruslah mendampingi Universiti ini dan mencari peluang untuk menyumbang kembali pada kejayaan Universiti Malaya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Semoga anda semua bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman. Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sahsiah diri demi kecemerlangan yang diimpikan.

"Para graduan sekalian, anda kini digelar Alumni Universiti Malaya."

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus di atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 146 pada tahun 2015 ke tangga 133 di dalam *QS World University Rankings* 2016. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah meningkat dari tangga 29 pada tahun 2015 ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya naik ke tangga 30 dunia bagi subjek Pengajian Pembangunan serta tangga ke 37 dunia dalam bidang Elektrikal dan Elektronik yang telah diumumkan pada 6 September 2016.

Tahniah saya ucapkan kepada Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Tan Sri Profesor Dr. Mohd.

Amin Jalaludin serta Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar dan warga Universiti Malaya yang sedia ada sekarang mahupun warga dan tenaga pengajar sebelum ini yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna di Universiti Malaya, serta memastikan

UM mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terulung di Malaysia.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

PIDATO PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS
untuk
DR. WONG CHIEW SAN
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
PROFESOR DR. ZANARIAH ABDULLAH
DEKAN, FAKULTI SAINS

Selasa, 18 Oktober 2016 (Pagi)

WONG CHIEW SAN

Dr. Wong Chiew San dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan pada 10 Januari 1952. Ayah beliau adalah seorang pemandu teksi manakala ibu adalah penoreh getah. Beliau merupakan anak sulung dari 4 orang adik beradik yang terdiri daripada 3 lelaki dan 1 perempuan. Beliau telah mendapat pendidikan rendah dan menengah di Negeri Sembilan, masing-masing di Sekolah Rendah Kebangsaan Chung Hua, Mantin dan Sekolah Tinggi Chung Hua di Seremban. Beliau meninggalkan kampung halaman pada tahun 1970 untuk meneruskan pendidikan tingkatan enam di Kolej Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1972, Wong Chiew San diterima masuk terus ke tahun kedua program Ijazah Sarjana Muda Sains di Universiti Malaya. Beliau tamat kursus pengajian Sarjana Muda Sains dengan anugerah Kepujian Kelas Kedua (Bahagian Tinggi) dalam bidang Fizik pada 20 Jun 1975. Dengan minat yang menyungguh lagi mendalam untuk meneroka alam fizikal terutamanya dalam bidang fizik plasma, beliau meneruskan pengajian peringkat Sarjana dan Kedoktoran di Universiti Malaya. Beliau dianugerahkan Sarjana Sains bagi disertasi bertajuk "*Some neutron measurements of the plasma focus*" pada tahun 1979 dan Kedoktoran Falsafah bagi tesis bertajuk "*Experimental and numerical studies of a laser-initiated vacuum spark*" pada tahun 1984.

Kerjaya akademik Dr Wong Chiew San bermula dengan jawatan pensyarah di Jabatan Fizik, Universiti Malaya pada tahun 1981. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya pada tahun 1987, dan seterusnya jawatan Profesor pada tahun 1998, jawatan yang disandang sehingga Januari 2016. Dengan perkhidmatan cemerlang dan berdedikasi, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1998, 2003, 2004, dan 2014 serta Anugerah Perkhidmatan Setia pada tahun 2008.

Dr Wong Chiew San telah berbakti sekurang-kurangnya tiga puluh tiga tahun dengan penuh semangat dalam pengajaran dan penyelidikan plasma. Beliau giat mempromosikan teknologi plasma, dikenali sebagai teknologi abad ke-21, bukan sahaja di Universiti Malaya bahkan juga di institusi lain di dalam dan luar negara. Usaha beliau dalam penyelidikan teknologi plasma berjaya mendapat pengiktirafan dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Teknologi Plasma di Universiti Malaya pada bulan Mei 2010, satu-satunya pusat penyelidikan dalam bidang plasma di Malaysia. Beliau telah mengetuai pusat penyelidikan ini sehinggalah Disember 2014.

Dr. Wong Chiew San juga pernah menerima pelbagai anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa termasuklah Anugerah Sains dan Teknologi Malaysia yang diberi oleh Yayasan Toray Malaysia pada tahun 2005, Felo dipilih oleh Akademi Sains Malaysia pada tahun 2007, serta pemenang pingat perak dalam Pameran Antarabangsa Rekacipta, Teknik Baru dan Produk ke-33 di Geneva pada tahun 2005. Beliau juga diiktiraf sebagai salah seorang penyelidik cemerlang dalam laporan 'Tumpuan pada Penyelidik Cemerlang dari Asia Tenggara' yang diterbitkan oleh SEA-EU-NET, suatu rangkaian koperasi sains antarabangsa antara Eropah dan Asia Tenggara, pada tahun 2009.

Kecemerlangan akademik beliau juga diiktiraf di peringkat antarabangsa, di mana beliau pernah dijemput sebagai pensyarah di *International Centre for Theoretical Physics* di Trieste, Italy dan penceramah pleno/jemputan persidangan di *University of Melbourne*, Australia, *Chulalongkorn University*, Thailand, dan *Xiamen University*, China. Beliau juga pernah dilantik sebagai pemeriksa luar untuk pelbagai tesis PhD dari *Government College University* dan *Quaid-i-Azam University* di Pakistan, *Nanyang Technological University* di Singapura dan *Visva Bharati University* di India,

dan sebagai penyelia bersama kepada pelajar PhD di *Chulalongkorn University*, Thailand dan *Kathmandu University*, Nepal. Dari tahun 1994 hingga ke hari ini, Dr. Wong Chiow San masih berkhidmat sebagai ahli Pemandu/Jawatankuasa Saintifik Antarabangsa bagi *International Centre for Dense Magnetised Plasma* (ICDMP) yang bertempat di Warsaw, Poland. Beliau juga merupakan Presiden dipilih bagi *Asia Africa Association for Plasma Training* (AAAPT) dan telah berkhidmat selama dua penggal dari tahun 2004 ke 2012. Di peringkat kebangsaan, beliau telah dilantik sebagai ahli lembaga editorial jurnal akademik iaitu *Malaysian Journal of Science*, *Journal of Science and Technology in the Tropics*, dan *Jurnal Fizik Malaysia* (sebagai ketua editor). Dari segi sumbangan kepada industri, kepakaran beliau diperlukan sebagai perunding plasma untuk *Ciba-Vision Batam*, Indonesia pada tahun 1999 ke 2000 dan sekarang ini sebagai penasihat kepada *Total Renewables Sdn Bhd*, Malaysia untuk projek pengegasan plasma sejak 2014.

Penulisan akademik Dr. Wong Chiow San termasuklah 247 artikel jurnal, 151 daripada bilangan ini diterbitkan dalam jurnal ISI, 96 prosiding persidangan dan senaskah buku yang bertajuk '*Elements of Plasma Technology*' terbitan Springer Verlag pada tahun 2016. Pada masa ini, hasil kerja beliau telah mengumpul 732 kutipan dan mencapai indeks-*h* sebanyak 16 (pangkalan data *ResearcherID*). Alat hasilan penyelidikan beliau yang bertajuk '*Pulsed Plasma X-ray Source*' berjaya dipatenkan. Beliau telah melatih lebih daripada 13 graduan PhD and 27 graduan Sarjana yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya dan telah membina kerjaya sebagai penyelidik di institusi tempatan dan antarabangsa termasuk SIRIM Bhd, Agensi Nuklear Malaysia, University of South Australia; sebagai ahli pendidik di institusi pendidikan tinggi termasuk Universiti Malaya, Universiti Nilai, dan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

UCAPAN PENERIMA GELARAN PROFESOR EMERITUS
oleh
DR. WONG CHIOU SAN

Selasa, 18 Oktober 2016 (Pagi)

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib, Pro-Canselor, Universiti Malaya, dif-dif kehormat, tuan-tuan, puan-puan dan graduan yang saya muliakan.

YBhg. Tan Sri Pro- Canselor,

Izinkan saya berucap dalam Bahasa Inggeris.

I am greatly honored and grateful to receive this award of Emeritus Professor from University of Malaya. In fact, University of Malaya has played a significant role in my life. I was accepted to do my undergraduate study in this university in 1972, and since then I never leave this university. After completed BSc, I continued my MSc and PhD studies all at University of Malaya. After my PhD, I was given the opportunity to serve this university as a lecturer and I eventually work myself up the academic ladder to be promoted to Associate Professor and then to Full Professor. So until today, I have spent a total of 43 years of my life, studying and working in this university. I am proud to say that I am truly a 100% product of University of Malaya!

I grew up as an educator as well as researcher with strong support from University of Malaya. Research is a passion, sort of conviction, to me. It is, of course also part of the duty of all academic staff of the university. This was my main activity beside teaching while I was working at the university. Research is never easy. First we need to be innovative. I personally believe innovation is cultivated from experience, which is actually called "entropy" in physics. Then, in the process of verifying our innovation, we need to have passion,

patience and persistence, especially when we encounter problem. To me the four elements of success in research are Innovation, Passion, Patience and Persistence or in short – IPPP, which is also the short name for our university's Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan. With the above mentioned four elements, of course we also need hard work. According to the Second Law of Thermodynamics, after every process, if we put in sufficient amount of heat, in this case our effort or hard work, our entropy will increase. This means our "wisdom" or "knowledge" will increase. This law is also applicable in the case of teaching. I strongly believe that teaching is a process that benefits both teacher and student. After a lecture or a session of discussion, if both parties have put in effort, their entropy will increase together. Anyway, the entropy of any closed system will not be decreased. So if a student is sleeping during the lecture, his or her entropy will not increase but will also not destroyed. What this simple law of physics tells us is what our parents or teachers always remind us, be serious in everything you do. You are sure to learn or gain something after the process.

At the background of all these, I believe that in order for us to be successful in life, we also need to have the support of our family. I am glad to say that I have been blessed with a forbearance wife and two wonderful children. They are my motivation to achieve greater heights in life.

Finally, let me end my speech with a big thank you to University of Malaya for making me what I am today!

**UCAPAN TAN SRI PRO-CANSELOR
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAMLI NGAH TALIB**

Selasa, 18 Oktober 2016 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana penuh ceria untuk kita meraikan saat yang amat bermakna untuk para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dikesempatan ini, saya dan para hadirin sekalian ingin menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kebawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Tuanku Canselor Universiti Malaya atas pelantikan Baginda sebagai Timbalan Yang Di Pertuan Agong Malaysia selepas setahun Baginda menaiki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Perak. Baginda seorang cendekiawan yang berpendidikan dari Universiti Oxford dan memperolehi Ph.D dari Universiti Harvard - kedua-duanya adalah antara universiti yang terulung di dunia, InshaAllah akan mampu memegang tampuk *Philosopher King* yang dimaksudkan oleh Plato's Republic. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong dengan pengisytiharan pelantikan semula sebagai Pro Canselor Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Bahagian Ketujuh daripada 7 Bahagian yang telahpun bermula pada 15 Oktober 2016 dan akan berakhir pada hari ini, 18 Oktober 2016.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5073 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 504 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1733 penerima Ijazah Sarjana dan 2836 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah, Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee dan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam kepada Haji Abdullah bin Haji Salleh. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Dato' Dr. Yip Cheng Har dan Dr. Wong Chiow San.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 780 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Alam Bina, Fakulti Sains, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan Pusat Kebudayaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan (*Research University*), Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk membantu pihak kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kesihatan, kemampanan ekonomi serta pembangunan modal insan yang berkualiti. Terbaru, satu laporan yang bertajuk *ASEAN Research Landscape* oleh Thomson Reuters telah menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak 594% dalam landskap penyelidikan di Malaysia antara tahun 2005 hingga 2014. Pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan dilihat sebagai antara faktor pemangkin kejayaan ini. Laporan tersebut juga menyaksikan Malaysia mendahului rakan-rakan ASEAN yang lain seperti Singapura dan Thailand dalam bidang penyelidikan. Yang lebih membanggakan kita ialah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam, datangnya dari Universiti Malaya. Sementara itu, pada tahun 2015 sahaja, terdapat 132 jumlah paten telah kita daftarkan termasuk 4 paten pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya telah terbukti menerajui gagasan penyelidikan berimpak tinggi dengan mencipta nama sebagai Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia. Hasilnya dapat dilihat

sehingga bulan Jun 2016 sahaja, penyelidik di Universiti Malaya berjaya menerbitkan sejumlah 1592 penerbitan dalam jurnal-jurnal terindeks, dan UM juga mempunyai rekod indeks petikan (*citation index*) yang tertinggi dalam kalangan Universiti Penyelidikan semenjak tahun 2011.

Kejayaan-kejayaan lain turut dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di peringkat dunia apabila kita berbangga dengan kejayaan Pandelega Rinong, pelajar Pusat Sukan Universiti Malaya meraih pingat perak di Sukan Olimpik 2016. Saudara Saiful Anwar Abdul Rani daripada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pula membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition (Harvard Business Review di Kookmin University Korea)*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati. Sekadar menyebut beberapa nama, saya mengharapkan kejayaan mereka ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk mencapai kejayaan bukan hanya untuk Universiti tetapi yang lebih penting untuk diri sendiri.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Universiti Malaya akan terus mengorak langkah untuk membina kecemerlangan demi kecemerlangan pada masa hadapan. Dunia pendidikan yang semakin mencabar serta persekitaran yang kompetitif memerlukan tindakan dan perancangan agresif daripada pihak pengurusan universiti untuk terus meletakkan Universiti Malaya di mata dunia. Proses liberalisasi sektor pendidikan tinggi yang membuka ruang kemasukan universiti luar negara, untuk membina kampus mereka di Malaysia telah menambahkan persaingan dalam bidang pendidikan tinggi. Keadaan ini memberikan cabaran baru kepada universiti ulung ini untuk mengekalkan kecemerlangan serta membekalkan modal insan yang berkualiti tinggi kepada negara dan masyarakat.

Hubungan universiti dan masyarakat juga sentiasa diperkukuh. Kepakaran yang ada di universiti ini telah digerakkan untuk membantu masyarakat dan meringankan beban kerajaan. Sebagai contoh ialah projek Sistem Penapis Air Ultraturasan yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Sistem ini mampu menukar sumber air mentah

sama ada air banjir, air sungai, telaga atau tasik kepada air bersih yang setanding dengan air paip yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air negeri. Hasil penyelidikan ini telah berjaya membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan air bersih, selain berpotensi untuk dijadikan sebagai aset penting ketika banjir melanda negara.

Para hadirin sekalian,

Jika kita perhatikan senario kehidupan kita pada hari ini, kita akan dapat melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Namun, masih terdapat jurang yang luas dalam pemupukan integrasi nasional antara kita. Justeru, besarlah harapan Universiti Malaya agar graduan dapat memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di universiti ini, melalui dana dan kursus program jalinan masyarakat graduan meraih pengalaman untuk membantu sebahagian kecil yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim dan mangsa pelarian. Ini telah memupuk nilai-nilai yang penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang. Para graduan perlu peka dengan keperluan masyarakat dan sentiasa cuba untuk mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti ini untuk merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan dan meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dengan itu, amatlah diharapkan agar para graduan dapat memelihara rapi ukhuwah untuk memelihara keharmonian hidup bermasyarakat. Ukhuwah ialah asas pada kesatuan umat manusia dalam sesebuah masyarakat. Ia dapat diperkukuh melalui penggunaan bahasa dan perlakuan mengikut adab-adab yang disenangi dan dapat diterima secara baik oleh semua golongan masyarakat. Justeru, graduan perlu memastikan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sentiasa berlandaskan rasa hormat dan toleransi terhadap perbezaan amalan dan budaya setiap kaum.

Para graduan sekalian,

Pastinya tidak ramai dalam kalangan graduan yang mengetahui, terdapatnya keluarga Arab beragama Islam sehingga hari ini menjalankan tanggungjawab untuk membuka dan menutup pintu *Church of the Holy Sepulchre*, sebuah gereja di Jerusalem. Satu tanggungjawab yang diwarisi

turun-temurun. Di Malaysia, kita tidak ketinggalan menyaksikan semangat perpaduan kaum dan agama yang ditunjukkan oleh pelajar sebuah universiti. Pelajar yang sedang menunaikan solat berjemaah di kawasan lapang telah dipayungi oleh rakan-rakan berlainan agama apabila hujan turun secara tiba-tiba. Seharusnya cerita seperti ini dijadikan iktibar dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Walaupun berlainan agama, bangsa dan kefahaman, hubungan kaum yang harmoni ialah kunci pada keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, laksanakanlah tanggungjawab untuk memupuk tali persaudaraan serta perpaduan dalam masyarakat kini dengan hati dan minda terbuka.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dan tertubuhnya Universiti Malaya di tanah air, ia telah berperanan memperkasa keupayaan untuk melonjakkan negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Penguatkuasaan budaya kerja berprestasi tinggi adalah penting dalam ekosistem global yang kian kompetitif. Para graduan hendaklah melakukan transformasi minda supaya mampu menjadi pencipta kerja dan bukan lagi pencari kerja yang mengharapkan jawatan sebagai penjawat awam atau dalam organisasi swasta.

Nilai dan semangat keusahawanan perlu ditanam dalam diri para graduan dan dijadikan paksi dalam mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan. Bagi pihak universiti sendiri, telah banyak yang kita lakukan, seperti memasukkan pendidikan keusahawanan menerusi ekseseis semakan kurikulum program ijazah pertama. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang dunia perniagaan. Kesungguhan untuk mencapai kesempurnaan pekerjaan dan kualiti hidup pernah ditekankan oleh Steve Jobs, Pengerusi *Apple Incorporated* iaitu, *"I'm convinced that about half of what separates the successful entrepreneurs from the non-successful ones is pure perseverance"*. Steve Jobs tahu apa makna kesungguhan sebenarnya. Beliau berhadapan dengan cabaran yang besar; *Apple Incorporated* yang dimilikinya tidak terserlah dalam persaingan dengan Microsoft dalam dunia komputer. Syarikatnya *Apple Incorporated* hampir digulung tetapi dengan kesungguhan, beliau bangun berjaya menerokai bidang telefon bimbit dan kemudian beliau berjaya menjadikan *Apple incorporated* sebagai sebuah syarikat teknologi yang terulung di dunia.

Para Graduan Sekalian,

Kini, kita menyaksikan ketempangan akhlak dan kelompangan spiritual yang menjadi fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Krisis moral yang terus berlarutan perlu dipandang secara serius dan kritikal kerana mahasiswa ialah kelompok yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Izinkan saya mengingatkan para graduan tentang pentingnya untuk kita sentiasa menjaga akhlak, etika dan profesionalisme. Elakkan diri daripada terjebak dalam salah laku seperti penipuan, penyelewengan, rasuah dan perbuatan yang tidak bermoral. Kesungguhan mencapai kejayaan dalam kerjaya, tidak bermakna kita boleh menghalalkan apa-apa sahaja tindakan bagi mencapainya kerana sesungguhnya matlamat tidak menghalalkan cara. Sentiasalah berpegang teguh pada agama dan nilai murni dan menjaga nama baik sendiri, keluarga dan Universiti Malaya di mana-mana sahaja anda berada.

Harus diingat, kejayaan yang anda kecapai hari ini sebenarnya bukanlah milik anda yang mutlak. Kejayaan ini juga ialah kejayaan insan-insan yang telah membesarkan dan mendidik anda sehingga menjadi seorang graduan universiti yang terulung di negara ini. Sebagai graduan yang berintegriti, anda mempunyai tanggungjawab moral untuk membalas segala pengorbanan dan jasa baik ibu bapa dan penjaga kita yang telah bersusah-payah membesarkan anda.

Untuk pengetahuan graduan semua, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan bilangan penghuni Pusat Jagaan Warga Emas, dari 5,714 orang penghuni pada tahun 2014 ke 6,083 orang penghuni pada tahun 2015. Statistik ini adalah sangat menyedihkan kerana ada ibu bapa yang semakin uzur terabai dan menunggu anaknya memberikan kasih sayang dan nafkah. Kita tentunya tidak mahu undang-undang khusus digubal hanya untuk memastikan anak-anak melaksanakan tanggungjawab menjaga ibu bapa mereka.

Walau apapun keadaan kehidupan anda, janganlah menjadi salah seorang penyumbang pada peningkatan kes pengabaian orang tua. Renungkan sejenak dan hayati keadaan ibu bapa yang telah mencurahkan kasih sayang dan berkorban tenaga serta wang ringgit demi memberikan pendidikan yang sempurna agar saudara menjadi orang yang

berjaya menggenggam segulung ijazah pada hari ini. Kejayaan ini sebenarnya masih belum dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka. Oleh itu, berusahalah membahagiakan mereka selagi ada hayat mereka. Janganlah saudara menjadi si Tanggung Moden yang mengabaikan insan yang banyak berbudi dan jasa sehingga anda semua berada di sini pada hari ini.

Tahniah dan syabas kepada ibu bapa yang telah memberikan sokongan padu kepada anak-anak tuan/puan sehingga mereka berjaya mengecapi kejayaan ini. Semoga kejayaan anak-anak tuan/puan menjadi pendorong dan pemangkin kepada ahli keluarga yang lain dan masyarakat setempat di kawasan tuan/puan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Warga Universiti Malaya mengalu-alukan kedatangan para graduan untuk kembali menyambung pengajian di sini.

Para graduan sekalian,

Sejajar dengan kecemerlangan demi kecemerlangan yang dilakarkan oleh universiti, maka di bahu para graduan juga diletakkan harapan dan cita-cita yang besar untuk melihat mereka melangkah keluar dari universiti ini sebagai seorang anggota masyarakat yang dinamik serta responsif pada keadaan sekeliling. Sebagai alumni, Universiti mengharapkan juga agar saudara kembali menabur bakti terutamanya kepada sebuah tabung yang diharap akan ditubuhkan sedikit masa lagi menyusul dari titah DYMM Tuanku Canselor pada tahun 2015 sebagai tanda terima kasih. Penghargaan sedemikian oleh seluruh alumni mampu mengekalkan perkembangan dan pembangunan universiti.

Dalam bidang penyelidikan industri, alumni diharapkan dapat membantu, membuka 'pintu' bagi universiti memasuki rangkaian industri yang diceburi oleh mereka, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Kerjasama seperti ini akan memberikan peluang kepada universiti untuk memakmurkan bidang industri tertentu melalui aplikasi teori yang telah dianalisis dan diuji bersama-sama dengan pakar industri yang lain. Kejayaan pemindahan pengetahuan juga akan meningkatkan kapasiti dan reputasi universiti ini dengan signifikan di persada nasional dan antarabangsa.

Alumni juga dapat berperanan memberikan khidmat mentor tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di dalam industri atau membuka 'lalu' bagi

pelajar diterima masuk sama ada untuk menjalani latihan praktikal atau menimba pengalaman bekerja di institusi tempat alumni bertapak membina kerjaya. Selain itu, alumni boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesion mereka seperti menjadi pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama sebagai sumbangan untuk membangunkan Alma Mater mereka. Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar juga dapat merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan memberikan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar kurang upaya dan menyokong penambahbaikan yang inovatif di universiti. Harapan saya, sebagai *alma mater* Universiti ini, teruslah mendampingi Universiti ini dan mencari peluang untuk menyumbang kembali pada kejayaan Universiti Malaya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Semoga anda semua bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman. Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sahsiah diri demi kecemerlangan yang diimpikan.

"Para graduan sekalian, anda kini digelar Alumni Universiti Malaya."

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus di atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 146 pada tahun 2015 ke tangga 133 di dalam *QS World University Rankings* 2016. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah meningkat dari tangga 29 pada tahun 2015 ke tangga 27 pada tahun 2016. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya naik ke tangga 30 dunia bagi subjek Pengajian Pembangunan serta tangga ke 37 dunia dalam bidang Elektrikal dan Elektronik yang telah diumumkan pada 6 September 2016.

Tahniah saya ucapkan kepada Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Tan Sri Profesor Dr. Mohd. Amin Jalaludin serta Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan

seluruh tenaga pengajar dan warga Universiti Malaya yang sedia ada sekarang mahupun warga dan tenaga pengajar sebelum ini yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna di Universiti Malaya, serta memastikan UM mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terulung di Malaysia.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyeronokkan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi tawfik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

PIDATO BAGI ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
untuk
SAUDARI SOFEA BINTI A. GHANI
Diucapkan oleh
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATO' DR. MOHD. AMIN JALALUDIN

Selasa, 18 Oktober 2016 (Petang)

Y.Bhg. Tan Sri Pro-Canselor,

Izinkan saya memperkenalkan penerima Anugerah Pelajaran DiRaja.

SOFEA BINTI A. GHANI

Sofea Binti A Ghani yang dilahirkan pada 4 Januari 1994, adalah anak kelahiran Selangor. Beliau merupakan anak sulung daripada dua orang adik-beradik hasil perkongsian hidup Encik A Ghani Bin Mohamed, seorang Pengurus Kanan Operasi, dan Puan Yasmin Binti Jalal Ahmad, seorang Perunding Unit Amanah.

Sofea memulakan alam persekolahannya di Sekolah Kebangsaan Sri Petaling, Selangor dan seterusnya ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sri Aman, Selangor. Kejayaan akademiknya telah melayakkan Sofea mengikuti program Asasi Sains Luan Pantas di Universiti Putra Malaysia sebelum melanjutkan pengajiannya dalam Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Aktuari dan Kewangan) Universiti Malaya di bawah biasiswa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Berkat usahanya serta dorongan keluarga dan tenaga pengajar, beliau telah menerima Anugerah Dekan Fakulti Sains sebanyak 4 kali. Sofea telah membuktikan bahawa beliau mampu bersaing dan berjaya dengan cemerlang walaupun merupakan pelajar yang termuda di kalangan rakan-rakan seperjuangannya.

Peluang-peluang yang terbuka luas telah dimanfaatkan sepenuhnya melalui penglibatan aktif beliau di peringkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Minat mendalam dalam bidang keusahawanan telah mendorong beliau berkecimpung dalam persatuan Enactus Universiti Malaya di bawah kelolaan *University of Malaya Entrepreneurship*

Centre (UMEC). Enactus yang bermaksud *Entrepreneurship – Action – Us*, merupakan platform perkembangan beliau sebagai seorang pemimpin yang berkhidmat untuk pembangunan masyarakat dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Pada awal penglibatannya, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden Projek dalam bidang kesenian, *Revitalizing the Arts* (ReART) dan *Entrepreneurship in Arts* (EnART), di mana beliau menggalakkan golongan muda melibatkan diri dalam bidang kesenian untuk membina keyakinan diri serta sebagai sumber pendapatan.

Selepas setahun berkhidmat, beliau telah dilantik sebagai Presiden Enactus Universiti Malaya di mana beliau melibatkan diri dalam projek-projek pertanian bandar, penghasilan kompos dan pembangunan perniagaan bersama golongan ibu tunggal.

Beliau juga telah mewakili Universiti Malaya dalam pertandingan *Enactus Malaysia National Exposition (EMNE) 2013* dan *Enactus Malaysia National Cup (EMNC) 2014* di mana Enactus Universiti Malaya telah dianugerahkan *Enactus Malaysia All Stars Award* selama dua tahun berturut-turut. Beliau turut dicalonkan sebagai *Student Leader of the Year 2014* oleh Yayasan Enactus Malaysia. Pada peringkat Universiti pula, Sofea telah dianugerahkan Anugerah Gemilang Siswa (Keusahawanan) 2014 atas sumbangannya dalam pembangunan masyarakat dan keusahawanan sosial.

Beliau mendapat tempat ketiga dalam *Malaysia Public Policy Competition (MPPC) 2015* anjuran *The International Council of Malaysian Scholars and Associates*. Di samping itu, beliau juga telah berkhidmat sebagai Duta Kampus Universiti Malaya di bawah *The Intern Insider*. Atas minat beliau dalam bidang bahasa, beliau telah menyertai Peraduan Menulis Esei Cheeseman 2013/2014

dan mempelajari bahasa Cina di Institut Kong Zi, Universiti Malaya.

Pada peringkat antarabangsa pula, Sofea telah mewakili *UMCares* dan Universiti Malaya dalam *Asian Student Environmental Platform 2014* di China anjuran *AEON Environmental Foundation* dan *Tsinghua University, China*.

Sebagai hobi, Sofea menjalankan perniagaan kecil-kecilan iaitu *Cheer Parcel*, satu servis penghantaran hadiah, dan beliau juga seorang *blogger* buku yang bergiat aktif dalam pengulasan buku hasil tulisan penulis tempatan dan luar negara.

Sofea mula bekhidmat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada bulan ini dan bercita-cita tinggi untuk melanjutkan pelajarannya dalam program profesional kewangan, *Chartered Financial Analyst (CFA)*. Saya yakin, Sofea akan terus berusaha agar dapat menabur bakti kepada masyarakat dan negara, serta menjadi sumber inspirasi kepada golongan muda yang lain.

Mohon Izin Y.Bhg. Tan Sri Pro-Canselor, menganugerahkan kepada Sofea Binti A Ghani, Anugerah Pelajaran DiRaja.

Y.Bhg. Tan Sri Pro-Canselor,

Izinkan saya memperkenalkan penerima Anugerah Pelajaran DiRaja.

THAM KUEN WEI

Tham Kuen Wei berasal dan membesar di Ipoh, Perak Darul Ridzuan, dilahirkan pada 3 Jun 1993. Beliau merupakan anak bongsu dan satu-satunya anak lelaki daripada tiga orang adik beradik hasil perkongsian hidup Encik Stanley Tham Fook Cheong dengan Puan Shirley Chong. Kedua-dua ibubapa Tham adalah akauntan bertauliah. Tham mendapat pendidikan rendah dan menengah di sekolah St. Michael's Institution (SMI), Ipoh dan seterusnya menyambung pelajaran di Kolej Matrikulasi Pahang. Tham memperolehi gred A untuk semua kertas dalam kesemua peperiksaan awam yang diambilnya iaitu UPSR, PMR, SPM dan Matrikulasi sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya pada sesi kemasukan 2012/2013.

Komitmen yang tinggi dalam aktiviti dan program peringkat antarabangsa telah meningkatkan

pengalaman pembelajaran beliau. Tham mewakili pasukan UM dalam *International Case Undergraduate Competition* sempena persidangan *Pacific Rim Real Estate Society's (PRRES) 2015* – bagi projek pembangunan harta tanah di Christchurch, New Zealand. Pasukan UM merupakan universiti yang pertama dari Malaysia memenangi pertandingan tersebut. Tham juga diisytiharkan sebagai pemenang King's Scout Award pada tahun 2011, Anugerah Penceramah Terbaik dalam *4th Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)/Royal Institute of Surveyors Malaysia (RISM) International Conference for Undergraduate* pada tahun 2013 di samping pemenang *Deloitte National Risk Intelligence Challenge Trophy 2016*. Bertepatan dengan kebolehan yang menyerlah dalam pertandingan debat, Tham terpilih mewakili Malaysia dalam *United Asian Debating Championships* di Manila dan *Australasian Debating Competition* pada tahun 2013. Sebagai pelajar yang berpengetahuan luas dalam isu global, Tham dipilih mewakili Malaysia dalam *Biennial ASEAN Youth Leaders' Summit 2014*.

Tham terus menggilap kecemerlangannya dengan melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti akademik dan bukan akademik. Beliau secara aktif menerajui dan menganjurkan beberapa program ko-kurikulum perdana peringkat UM. Beliau juga adalah ahli Majlis Perwakilan Pelajar UM bagi sesi 2014/2015, Presiden Gabungan Kebangsaan Pelajar Harta Tanah (NURES) 2013, Presiden Persatuan Pelajar Harta Tanah UM dan Timbalan Pengarah Projek Integrasi Harta Tanah UM-Assumption University, Thailand. Tham berjiwa kemanusiaan yang tinggi. Jiwa ini mendorong beliau menjadi penggerak utama program 'Misi Pembinaan Semula Pasca Bencana UM-FAB' anjuran Fakulti Alam Bina bagi membina semula rumah yang rosak akibat bencana banjir di Tumpat, Kelantan. Selanjutnya, beliau secara sukarela menggerakkan kumpulan pelajar UM dalam program membaca bagi komuniti cacat penglihatan; mewujudkan sistem berkongsi kereta bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di UM; serta terlibat dalam projek meningkatkan kemudahan untuk pelajar fakulti. Bakat komunikasi yang dimiliki beliau dimanfaatkan dengan menjadi pengacara majlis bagi pelbagai program dan bicara profesional anjuran Fakulti Alam Bina. Dalam bidang sukan Tham adalah pemain catur yang aktif di peringkat Sukan Mahasiswa Universiti Malaya (SUKMUM).

Atas penglibatan aktif dalam pelbagai program serta kecemerlangan kepimpinannya, Tham

telah dianugerahkan “Anugerah Kecemerlangan Akademik Tuanku Bahiyah” dan “Anugerah Pemimpin Gemilang Siswa” oleh Universiti Malaya pada tahun 2013 dan 2014. Walaupun terlibat aktif dalam pelbagai program ko-kurikulum, kecemerlangan dalam bidang akademik tidak pernah diketepikan. Tham telah menerima

sebanyak 4 kali Anugerah Dekan sepanjang pengajian beliau di UM.

Mohon izin Y.Bhg. Tan Sri Pro-Canselor, menganugerahkan kepada Tham Kuen Wei, Anugerah Pelajaran DiRaja.

**UCAPAN WAKIL PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
untuk
SAUDARI SOFEA BINTI A. GHANI**

Selasa, 18 Oktober 2016 (Petang)

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib

Pro-Canselor, Universiti Malaya

Profesor Tan Sri Dr. Mohd Amin Jalaludin

Najib Canselor, Universiti Malaya

Dekan-dekan, pensyarah yang dihormati, ibu bapa yang dikasihi dan hadirin hadirat sekalian, terima kasih kerana sudi meluangkan masa pada hari ini untuk meraikan kejayaan kami bersama.

Anugerah Pelajaran DiRaja merupakan satu anugerah yang amat bermakna. Sebagai penerima anugerah pada tahun ini, saya, Sofea Binti A Ghani, dan rakan seperjuangan saya, Tham Kuen Wei, berasa amat terharu dan bersyukur atas penghargaan ini. Alhamdulillah.

Yang Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor; sebelum saya meneruskan ucapan saya, izinkan saya berucap dalam Bahasa Inggeris.

Honourable Guests, Ladies and Gentlemen,

When I was in kindergarten, my teacher would change my seating partner every week because I was such a chatterbox. Until one day, I was told to sit beside a really shy boy in hopes that it would help me keep quiet. Unfortunately, that did not work. I am delighted and humbled because now... I am asked to speak! What more at this prestigious University Convocation Ceremony.

To my fellow comrades and graduates today, my heartiest congratulations! Give ourselves a round of applause.

Bear in mind, success doesn't necessarily mean happiness, but happiness is truly a success.

Now take a moment and imagine a prism. As we learned in school, when white light is shone through the prism, it splits into a spectrum of colours.

Now imagine that our University is this prism, and we were once that white light. After years of learning and growing, we are now stepping out of our prism, our University, as a spectrum of colours. We each represent a colour, as we all have different responsibilities to uphold in contributing to our country.

As we embark on the next chapter of our lives with excitement, let us reflect on our journey in UM. The grades we strove hard for, the activities we were involved and the challenges we faced. Also remember today.... as these grand robes hang so smartly on our shoulders, degree scrolls in our hands. But.... beyond our string of achievements, let us look back at the little things we may have overlooked.

Be proud of the time you helped a friend get an A but you only got a B,

The time you skipped class to comfort a family in need,

Be proud of the time you felt like giving up (but you didn't),

And even the time you stood up for what was right (not what was easy),

Be proud of the time you touched the lives of the people around you.

On behalf of Tham, I would like to thank his family, lecturers and friends. He has achieved great

success today because of your undying patience, care and encouragement.

To my lecturers, you inspire me to reach greater heights.

As for my friends who have made my university life an adventure; you have witnessed my challenges, as well as how I've learned, grown and succeeded, you know who you are.

To my pillar of strength, my family – My father, A Ghani, for all your support and motivational

talks. My mother, Yasmin, for providing love and guidance every step of the way. My grandmother, Hanipah, for your constant prayers and reminders. My younger brother, Jeffrie, for letting me win arguments (sometimes, if not always) and being the best brother a sister could ever ask for. To the rest of my family, thank you. We share this achievement together... this is for us.

*Wassalamualaikum,
Warahmatullah Hiwabarakatuh.*

IJAZAH KEDOKTORAN YANG DIANUGERAHKAN

Conferment of Doctoral Degrees

Sabtu, 17 Oktober 2015 (Pagi)
Saturday, 17 October 2015 (Morning)

DOKTOR FALSAFAH

Doctor of Philosophy

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

Institute of Graduate Studies

Abd Rahman bin Roslan	<i>Tingkah Laku Membeli-Belah di Pasar Raya Besar Asing: Kajian Kes di Shah Alam Selangor</i>
Aidil Rizal bin Shahrin	<i>Studies on Time Series Properties of Forward Discount in Foreign Exchange Market</i>
Emy Marlina binti Samsudin (<i>Tesis Cemerlang</i>)	<i>Improve Titanium Dioxide Promoted Photocatalyst for Degradation of Pollutant in Water</i>
Farooq Ahmed (<i>Pakistan</i>)	<i>Leadership, Governance and Open Service Innovation in Malaysian Health Care Sector: Moderating Role of Culture</i>
Ferdous Ahmed (<i>Bangladesh</i>)	<i>Adapation Scenarios to Climate Change and its Implications on the Food Sector in Malaysia</i>
Hoorieh Fallah (<i>Iran</i>)	<i>Growth of Zinc Oxide Nano-Rods on Optical Fiber for Optical Interconnects and Side Coupling Applications</i>
Michael Murray Dent (<i>United Kingdom</i>)	<i>A Relexive Study of the Continuous Practice Improvement of a Global Professional</i>
Mohammad Abousaeidi (<i>Iran</i>)	<i>An Approach to Geographic Information System (GIS) Modeling and Determination of the Quickest Route for Vegetable Delivery</i>
Mohammad Ziaul Karim (<i>Bangladesh</i>)	<i>Hydrolysis of Cellulose to Nanocrystalline Cellulose using Lewis Acid Catalyst</i>
Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil	<i>Pembangunan Model Kurikulum Latihan SkiVes bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja</i>
Muhammad Mahmood Ali (<i>Pakistan</i>) (<i>Tesis Cemerlang</i>)	<i>Fabrication and Characterization of Few Mode Fiber Bragg Gratings for Mode Conversation and Sensing Applications</i>
Nuradhiathy binti Abd Razak	<i>Survival Modelling, Missing Values and Frailty with Application to Cervical Cancer Data</i>

Nurul Akmaliah binti Dzulkurnain	<i>Ultraviolet Curable Acrylic Copolymer Based Electrolytes for Dye-sensitized Solar Cell Application</i>
Rahmad Sukor bin Ab Samad	Penilaian Keberkesanan Pengurusan Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Model Pengurusan Berasaskan Sekolah (PBS)
Saleh Hamood Nasser Al- Sinawi (Oman)	<i>Relationship Between Work Performance System and Institution Performance in The Context of Strategic Human Resource Management in Ministry of Education Oman</i>
Salmiah binti Ibrahim	<i>New Polymer Electrolytes of Bio-Based Polyurethane for Dye-sensitized Solar Cell Applications</i>
Seyed Mohammad Reza Khalifeh Soltanian (Iran)	<i>Dual-Wavelength Fiber Lasers Covering the Regions of 1.0, 1.5 and 2.0 Micron and Their Applications</i>
Shamsiah Banu binti Mohamad Hanefar	<i>Development of Spiritual Intelligence Model for Adolescents in Malaysia</i>
Siti Rudhziah binti Che Balian	<i>Biopolymer Electrolytes Based on The Blend of Kappa-Carrageenan and Cellulose Derivatives for Solid Dye-sensitized Solar Cell Application</i>
Somayah Nodehi (Iran)	<i>Optical Filters Based on Microfiber Knot Resonator Structures</i>
Tariq Ahmed (Pakistan)	<i>Antecedents of Entrepreneurial Intentions and Behaviour: The Role of Education and Contextual Factors</i>
Yazkhiruni binti Yahya	<i>Shariah Audit in Islamic Financial Institutions: The Effects of Spirituality and Moderating Role on Judgement and Decision Making</i>

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
Academy of Islamic Studies

Abd. Hadi bin Borham	Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah
Adibah binti Ab. Wahab	Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat di Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia
Alharbi, Khalid Hindi K (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>Command and Prohibition Forms and its Implication according to Usuliyyun: An Applied Study toward Fatawa of Jama'ah al-Takfir wa al-Hijrah</i>
Alshahrani, Ali Saad M (Kingdom of Saudi Arabia)	<i>The Cultural History of Shahrani Al-Aridah Tribe from the Umayyad Era to the Third Saudi Kingdom</i>
Aiedah binti Abdul Khalek	<i>Determinants Influencing Halal Food Consumption Among Generation Y Muslims in Malaysian Private Universities</i>

Amiratul Munirah binti Yahaya	Pemikiran Ahmad Mustafa Al-Maraghi dalam Tafsir Al-Maraghi dan Pengaruhnya Terhadap Pengajian Tafsir di Malaysia
Arwansyah Kirin (Indonesia)	Hadith-Hadith Daif dan Palsu dalam Nasa'ih Al-'Ibad oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya terhadap Masyarakat Islam di Sumatera
Bara' Barakat Hamad Algharibeh (Jordan)	<i>The Role of Islamic Political parties in the Contemporary Political Affairs: Case Study of Al-Nahdah Political Party in Tunisia</i>
Briki Ahmed (Algeria)	<i>Teaching Strategies in Islamic Education Subject at Secondary Level in the United Arab Emirates: An Analytical Study</i>
Dalal Alnawari Salama (Libya)	<i>Egyption-Sudanese Political Relations in the Era of Gamal Abdel Nasser (1952-1970M): Historical Analytical Study</i>
Farhana binti Mohamad Suhaimi	Peranan Wakaf sebagai Pelengkap Pembiayaan Awam di Malaysia
Haracic Nedim (Bosnia)	<i>The Educational Aspects of Social Change in Quran: A Study on the Efforts of Mahmad Handzic in Bosnia</i>
Henri Shalahudin (Indonesia)	Wacana Kesetaraan Gender dalam Pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri di Indonesia: Kajian Kes di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta
Hidayat (Indonesia)	Peruntukan dan Pemakaian Keterangan dalam Kes-Kes Kehartaan di Indonesia: Analisis dari Sudut Keterangan Islam
Ibrahim Meftah Alfellag (Libya)	<i>Criminal Responsibility for Acts Committed during Demonstrations: A Comparative Study in the Framework of Shariah and Libyan Laws</i>
Idris Abubaker Ibrahim (Eritrea)	<i>The Eritrean Islamic Movement and its Political Role in Eritrea: Case Study of the Eritrean Islamic Party for Justice and Development</i>
Imad Abduljabbar Kharaf (Iraq)	<i>Imam Bayhaqi's Interpretation in al-Sunan al-Kubra: Collection, Documentation and Studying</i>
Khadijah binti Ismail	Sejarah Balai Cerap di Malaysia: Kajian Isu-Isu Pembangunan Sumber Manusia 2016 Convocation Ceremony 87
Majed Fawzi Mohammad Abu Ghazalah (Jordan)	<i>Online Recruitment and its Relation with Job Satisfaction from Islamic Perspective: An Applied Study</i>
Md. Faruk Abdullah (Bangladesh)	<i>Application of Wa'd (Promise) in Islamic Banking Products: A Study in Malaysia and Bangladesh</i>
Mohammaddin bin Abdul Niri	Konsep Alam Menurut Daud Al-Fatani: Analisis dari Perspektif Astronomi Islam

Mohammed Hussein Yahya Al-Shiaani (Yemen)	<i>The Phenomenon of Talak Ba'in in Saudi Arabia: A Case Study in Mecca</i>
Mohd Faiz Hakimi bin Mat Idris	Metode Wasatiyyah Sharh Al-Nawawi dan Al-Mubarakfuri Terhadap Ahadith Mutasyabihat dalam Sahih Muslim: Kajian Sikap Agamawan di Kuala Terengganu, Terengganu
Mohd Fuad bin Mokhtar	Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan Kritiknya terhadap Pemikiran Akidah Syiah
Mohd Hamidi bin Ismail	Konsep Al-Ilahiyyat dalam Pemikiran Syiah Al-Ithna 'Ashariyyah: Analisis Bab Al-Tawhid dari Kitab Al-Kafi Menurut Perspektif Al-Asha'irah
Mohd Hisyam bin Abdul Rahim	Keserasian Fasilah Al-Qur'an: Kajian dari Aspek Ilmu Munasabat
Mohd Nazri bin Mohd Noor	<i>The Role of Central Bank of Malaysia in Positioning Malaysia as a Global Hub for Islamic Finance</i>
Muhamad Alihanafiah b. Norasid	Konsep Modal Insan Rabbani Menurut Al-Quran: Analisis Pemikiran Sa'Id Hawwa dalam Al-Asas Fi Al-Tafsir
Muhammad Bashir Alkali (Nigeria)	<i>Filling the Constitutional Lacunae Concerning Islamic Banking and Finance Litigations in Nigeria: Towards National Harmony</i>
Muhammad Ikhlas bin Rosele	Isu Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam di Malaysia
Muhammad Suhaili Sufyan (Indonesia)	Peranan Majelis Permusyawaratan Ulama dalam Sistem Pemerintahan Aceh
Noor Hafizah binti Mohd Haridi	Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan Dan Keberkesanan
Nurhanisah binte Senin (Singapore)	<i>Concept of God in the Discourses of Al-Ghazali (D.1111) and Maimonides (D.1204)</i>
Oladapo Ibrahim Abiodun (Nigeria)	<i>Assessing the Relationships between Integrative Social-Rights and Human Development Factors in South-Western Nigeria from the Islamic Economics Perspective</i>
Rizalman bin Muhammad	Maqasid Ibadah Haji dalam Perspektif Sunnah: Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Jemaah Haji Malaysia
Romzi Taleh (Thailand)	<i>Contemporary Explanations for Sunan Nasaie: A Study of Sheikh Muhammad Ali Adam Approach in his Commentary Zakhirah al-'Uqba</i>
Samad Yousefipaeinroudposhti (Iran)	<i>Peaceful Co-Existence in the Light of Holy Quran: A Case Study of Christian Living in Kuala Lumpur</i>
Saref Masae (Thailand)	Penceritaan Peristiwa Isra' dan Mi'raj oleh Sheikh Daud Al-Patani: Kajian Teks dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Patani, Thailand

Selamat bin Amir	Elemen Sainifik dalam Al-Qur'an: Analisis terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi
Sharef A. M. Abushamalla (Palestine)	<i>Constructional and Architecture Development the City of Jerusalem in the Early Era of Islam: Historical Analytical Study (16-132H/637-750M)</i>
Siti Fatimah binti Salleh	Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita
Syahnaz binti Sulaiman	Transformasi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Dana Amanah Hartanah Islam
Syamsuri (Indonesia)	Peranan Pesantren dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat di Jawa Timur Indonesia
Yazilmiwati @ Hasni binti Yaacob	Kajian Faktor Kejayaan dan Pencapaian Usahawan Muslim di Malaysia
Zainorah binti Kadri	Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Al-Rum
Zulkiflee bin Haron	Konsep Al-Shifa' Dalam Al-Quran: Kajian Terhadap Metode Rawatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah
Zulqarnain (Indonesia)	Analisis Perbandingan Keputusan Dewan Syariah Nasional, Majelis Ulama Indonesia dan Majelis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkaitan Isu-Isu Pasaran Modal Islam
Zohreh Sadatmoosavi (Iran)	<i>Women Position in Abrahamic Religions: A Comparative Study on The Concept and Philosophy of Modesty and Modest Dress Observance</i>

FAKULTI EKONOMI & PENTADBIRAN
Faculty of Economics & Administration

Alireza Tahernejad Ibrahim (Iran)	<i>Leadership and Organizational Commitment in Teacher Training Universities</i>
Imran Shafique (Pakistan)	<i>Leadership Styles and Corporate Entrepreneurship: Small and Medium Enterprises in Pakistan</i>
James Paul a/I N. Asirvatham	<i>AFTA and Economic Growth: A Study of the Pioneering Asean-5 Members</i>
Lai Siow Li	<i>Recent Fertility and its Proximate Determinants in 3 Asean Countries</i>
Mohammadreza Amiri (Iran)	<i>Influence of Socioeconomic Background on Cardiovascular Disease Risk Factors Among Adult Malaysians</i>

Muhammad Mehedi Masud (<i>Bangladesh</i>)	<i>Communities' Socio-Economic Status and Environmental Conservation Behaviour in Marine Protected Areas: A Study of Malaysia</i>
Osveh Esmaelinezhad (<i>Iran</i>)	<i>Corporate Social Responsibility and Employee Engagement: Role of Organizational Identification and Employees' Lower-Order Need Strength</i>
Qazi Muhammad Adnan Hye (<i>Pakistan</i>)	<i>Impact of Economic Liberalization on Economic Growth in the Case of Pakistan</i>
Muhammad Shujaat Mubarik (<i>Pakistan</i>)	<i>Human Capital and Performance of Small & Medium Manufacturing Enterprises: A Study of Pakistan</i>
Suhaida binti Mohd Amin	<i>Labor Supply of Educated Married Women in Malaysia and its Association with Child Care Arrangements</i>
Vignes a/I Gopal Krishna	<i>Multidimensional Evaluation of Scientific Inputs and Output : A Study of Asean</i>

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
Academy of Malay Studies

Anis Shahirah binti Abdul Sukur	Penterjemahan Tajuk Utama Iklan dalam Katalog Bercetak
Cho Minsung (<i>South Korea</i>)	Penterjemahan Unsur Budaya dalam Antologi Cerpen Bahasa Korea-Bahasa Melayu Perjalanan ke Samp'ŏ
Eizah binti Mat Hussain	Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata
Mohamad Kamal bin Abd Aziz	Kritikan Seni dari Perspektif Sosio Budaya di Malaysia
Mohammad Nazzri Ahmad	Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu
Nursham binti Abdul Aziz	Novel-Novel Terpilih Azizi Hj. Abdullah: Kajian Intertekstualiti
Reniwati (<i>Indonesia</i>)	Perbandingan Kata Sapaan dalam Masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau
Sara binti Beden	Analisis Kesopanan Berbahasa dalam Novel Melunas Rindu

FAKULTI KEJURUTERAAN
Faculty of Engineering

Ahmad Fazlizan bin Abdullah	<i>Design and Testing of a Novel Exhaust Air Energy Recovery Wind Turbine Generator</i>
Ahmad Kumar (India)	<i>Restoration of Blurred Images Using Geometric and Tchebichef Moments</i>
Aliasghar Niakan (Iran)	<i>Characteristics and Properties of Natural Hydroxyapatite Derived from Bovine Bone for Biomedical Application</i>
Alireza Fallahpour (Iran)	<i>Development of Multi Criteria Decision Making Model for Supplier Selection Using Gene Expression Programming</i>
Alireza Shayesteh Fard (Iran)	<i>A Feedforward Control for Grid-Connected Inverter Under Unbalanced and Distorted Conditions</i>
Amin Kazemzadeh (Iran)	<i>Design and Performance Study of Hydrophilic and Super Hydrophilic Capillary Valves for Novel Microfluidics Systems</i>
Anam Asghar (Pakistan)	<i>In-Situ Production of Hydrogen Peroxide and Electricity Generation for Textile Wastewater Treatment in a Microbial Fuel Cell</i>
Arni Munira binti Markom	<i>Erbium-Zirconia-Yttria-Aluminum Co-Doped Fiber for Amplifier and Nanomaterial Based Ultrafast Laser Applications</i>
Asiah Lokman	<i>Inline Mach Zender Interferometer (IMZI) Based Sensors for Humidity and Biochemical Concentration Measurements</i>
Mohamad Kamal bin Abd Aziz	Kritikan Seni dari Perspektif Sosio Budaya di Malaysia
Mohammad Nazzri Ahmad	Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu
Nursham binti Abdul Aziz	Novel-Novel Terpilih Azizi Hj. Abdullah: Kajian Intertekstualiti
Reniwati (Indonesia)	Perbandingan Kata Sapaan dalam Masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau
Sara binti Beden	Analisis Kesopanan Berbahasa dalam Novel Melunas Rindu
